

**PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN TERHADAP  
PEMULIHARAAN MENARA LAMA SURAU  
TENKERA, MELAKA.**

**NOR IZZATI BINTI AMIRRUDIN**

UNIVERSITI

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

MALAYSIA

KELANTAN

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN TERHADAP  
PEMULIHARAAN MENARA LAMA SURAU TENKERA,  
MELAKA.**

Oleh:

**NOR IZZATI BINTI AMIRRUDIN**

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat  
kelayakan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan

**Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2023

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

**SULIT** Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 19720)\*

**TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

*Nor Izzati Amirrudin*

NOR IZZATI BINTI AMIRRUDIN

991104045036

Tarikh: 26/2/2023

Tandatangan Penyelia Utama

*Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan*

DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN

Dr. Ainul Wahida binti Radzuan  
Senior Lecturer

Department of Heritage Studies  
Faculty of Creative Technology and Heritage  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
16300, Kelantan, Malaysia

## PENGHARGAAN

Syukur kehadiran ilahi atas kurniaNya dapat juga saya menyiapkan tugas projek penyelidikan ini dengan jayanya. Projek penyelidikan ini merupakan salah satu syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian, Universiti Malaysia Kelantan bagi tahun 2023.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr. Ainul Wahida binti Radzuan selaku penyelia bagi projek penyelidikan saya kerana telah banyak meluangkan masa serta memberi banyak tunjuk ajar dan nasihat, teguran dan membimbing saya bagi menyelesaikan tugas ini disamping memberi kata-kata semangat kepada saya sepanjang menjalankan projek penyelidikan ini dengan sebaik mungkin. Semoga Allah S.W.T memberkati beliau sepanjang masa.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Amirrudin bin Rabu dan Puan Nor Laila binti Tambi serta ahli keluarga di atas dorongan yang telah diberikan kepada saya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan sentiasa memberi kata-kata semangat kepada saya untuk meneruskan pengajian. Semoga Allah S.W.T memberkati dan memudahkan segala urusan keluarga saya di dunia dan akhirat.

Selain itu, jutaan terima kasih kepada yang turut tidak dilupakan kepada para informan yang telah ditemu bual secara langsung mahupun tidak langsung kerana telah membantu saya dalam menyiapkan tugas ini dengan memberikan pendapat dan pandangan berkaitan dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh saya.

Akhir sekali, kepada rakan-rakan dan semua pihak yang banyak membantu secara langsung atau tidak langsung dalam membantu pengkaji menyelesaikan tugas projek penyelidikan dengan jayanya. Semoga kajian ini dapat memberikan panduan kepada para pengguna dan pengkaji di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

# PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN TERHADAP PEMULIHARAAN

## MENARA LAMA SURAU TENKERA, MELAKA.

### ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada peranan pihak berkepentingan dalam memulihara Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Walaupun usianya hampir mencecah 300 tahun, ianya mengandungi nilai-nilai warisan dan menggambarkan identiti Islam kepada masyarakat setempat. Namun begitu, menara lama ini tidak dapat dikekalkan kerana kurangnya penjagaan daripada pihak berkepentingan dan kurangnya penglibatan komuniti setempat. dalam kesedaran pemuliharaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan pihak berkepentingan dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Terdapat tiga objektif utama kajian ini iaitu untuk mengenal pasti penglibatan pihak berkepentingan dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, mengkaji peranan pihak berkepentingan dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker dan menganalisis usaha pihak berkepentingan dalam menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana seramai sepuluh orang peserta kajian telah ditemu bual, dan aktiviti mereka diperhatikan. Semua data yang diperolehi daripada kerja lapangan dianalisis dengan analisis tematik. Hasilnya, kajian ini telah Berjaya mengeluarkan lima tema yang berkaitan dengan kajian iaitu pihak berkepentingan dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, kerja-kerja pemuliharaan yang dilakukan, peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan menara lama, penglibatan komuniti setempat dan yang terakhir adalah usaha-usaha pemuliharaan untuk menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker. Kesimpulannya, kajian ini adalah signifikan kerana ianya boleh menjadi rujukan masa hadapan dan memberikan pemahaman yang mendalam mengenai Menara Lama Surau Tengker itu sendiri.

**Kata kunci:** Pihak Berkepentingan, Pemuliharaan Bangunan Warisan, Penglibatan Komuniti

## **THE ROLE OF STAKEHOLDERS IN THE CONSERVATION OF THE OLD MINARET OF SURAU TENKERA, MELAKA.**

### **ABSTRACT**

This study focuses on the role of stakeholders in conserving the old minaret at the Surau Tengker, Melaka. Although it is almost 300 years old, it contains heritage values and provides an Islamic identity to the local community. However, the old minaret could not be maintained due to a lack of care from the stakeholders and less engagement of the local community in conservation awareness. Therefore, this study aims to examine the role of stakeholders in the conservation process of the old minaret of Surau Tengker, Melaka. There are three main objectives of this study: to identify the stakeholders' involvement in the conservation process of the old minaret of Surau Tengker, to study the role of stakeholders in the conservation of the old minaret of Surau Tengker, and to analyse the efforts of the stakeholders in reviving the old minaret of Surau Tengker. This study used a qualitative approach where ten research participants were interviewed, and their activities were observed. All the data obtained from the fieldwork was analysed by thematic analysis. As a result, this study has successfully revealed five themes related to the study: stakeholders in the conservation process of the old minaret of Sungai Tengker, the conservation works carried out, the role of stakeholders in the conservation of the old minaret, the involvement of the local community and conservation efforts to revive old minaret of Surau Tengker. In conclusion, this study is significant as it can be a future reference and provides an in-depth understanding of the old minaret of Surau Tengker.

**Keywords:** Stakeholders, Conservation of Heritage Buildings, Community Involvement

## SENARAI RAJAH

<b>RAJAH</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Peta Lokasi Menara Lama Surau Tengker, Melaka	<b>8</b>
Rajah 2.1	Menara Masjid Ibn Tulun	<b>20</b>
Rajah 2.2	Menara Masjid Agung Samarra	<b>20</b>
Rajah 2.3	Kerangka Teori Max Weber	<b>26</b>
Rajah 3.1	Peringkat-peringkat dalam menganalisis data kualitatif	<b>38</b>
Rajah 3.2	Transkripsi Temu bual	<b>39</b>
Rajah 3.3	Pengkodan Transkripsi	<b>40</b>

## SENARAI JADUAL

<b>JADUAL</b>		<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1	Responden Kajian	36

## SENARAI SINGKATAN

<b>SINGKATAN</b>		<b>MUKA SURAT</b>
ICOMOS	<i>International Council on Monuments and Sites</i>	22
PERZIM	Perbadanan Muzium Melaka	45
MBMB	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	45
JWN	Jabatan Warisan Negara	45



## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>vi</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Lokasi Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.7.1 Individu	10
1.7.2 Masyarakat	10
1.7.3 Institusi	11
1.8 Struktur Projek Penyelidikan	11

**BAB 2: KAJIAN LITERATUR**

2.0 Pengenalan	13
2.1 Definisi Warisan	13
2.1.1 Definisi Warisan Ketara	14
2.1.2 Bangunan Warisan Sebagai salah satu Warisan Ketara	15
2.2 Konsep Bangunan Masjid	17
2.2.1 Sejarah Menara Masjid	18
2.2.2 Rekabentuk Menara Masjid	19
2.3 Punca Kerosakan pada Bangunan Warisan	21
2.4 Pemuliharaan Bangunan Warisan	22
2.5 Kepentingan Pemuliharaan	23
2.6 Pihak Berkepentingan	24
2.7 Aplikasi Teori: Teori Pengurusan Birokrasi	25
2.8 Kesimpulan	27

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan	29
3.1 Pendekatan Kajian	29
3.1.1 Pendekatan Kualitatif	30
3.2 Kaedah Kajian	31
(a) Pemerhatian	31
(b) Temu bual	32
3.3 Sumber Kajian	33
3.3.1 Data Primer	33
3.3.2 Data Sekunder	34

3.4 Pensampelan dan Responden Kajian	34
3.4.1 Teknik Pensampelan Bertujuan	35
3.4.2 Teknik Bebola Salji	35
3.4.3 Saiz Pensampelan	36
3.5 Analisis Data	37
3.5.1 Analisis Tematik	38
3.6 Limitasi Kajian	41
3.7 Kesimpulan	42
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.0 Pengenalan	43
4.1 Pihak Berkepentingan Dalam Proses Pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka	43
4.1.1 Badan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan	44
4.1.2 Komuniti Setempat	46
4.1.3 Generasi Muda	48
4.2 Kerja-Kerja Pemuliharaan yang Dilakukan di Menara Lama Surau Tengker, Melaka.	49
4.2.1 Aktiviti Pemuliharaan	49
4.2.2 Tempoh Pemuliharaan	52
4.2.3 Tujuan Pemuliharaan	53
4.2.4 Kekangan Pemuliharaan	54
4.3 Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka	54
4.3.1 Peranan Badan Kerajaan	55

4.3.2 Peranan Ahli Jawatankuasa Masjid	57
4.3.3 Peranan Komuniti Setempat	58
4.4 Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka	60
4.5 Usaha-Usaha Pemuliharaan untuk Menghidupkan Semula Menara Lama Surau Tengker, Melaka	64
4.5.1 Penggunaan Media Massa	64
4.5.2 Perhubungan Erat Dengan Agensi Kerajaan dan Swasta	66
4.6 Kesimpulan	69
<b>BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
5.0 Pengenalan	71
5.1 Rumusan Bab	71
5.2 Dapatan Utama	74
5.3 Cadangan	75
5.3.1 Membuat Dokumentarai	75
5.3.2 Kajian Akan Datang	76
5.3.3 Menyediakan Peruntukan Kewangan Bagi Kerja Pemuliharaan	77
<b>RUJUKAN</b>	79

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Menara telah menjadi elemen penting dalam perkembangan seni bina Islam di Malaysia pada hari ini. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017), menara bermaksud bangunan atau bahagian bangunan yang tinggi serta mempunyai sesuatu kegunaan tertentu atau bahagian bangunan yang dibina jauh lebih tinggi daripada bahagian induknya. Ahmad dan Mat Zin (2012) menjelaskan perkataan menara berasal daripada perkataan arab iaitu manara. Manara yang berasal daripada kata dasar 'nar' yang membawa maksud cahaya api. Pada suatu ketika dahulu cahaya api dipasang pada menara tinggi untuk memberitahu atau menandakan telah tibanya waktu untuk menunaikan solat atau sebagai sebuah pengumuman bagi sesuatu perkara penting. Walau bagaimanapun, pemasangan cahaya api pada menara dikatakan dapat digunakan dengan baik dan dapat dilihat pada jarak yang berbatu-batu jauhnya (Ahmad et.al, 2012).

Keberadaan bangunan menara pada suatu kompleks masjid mempunyai tujuan yang berkait rapat dengan konsep ibadah umat Islam. Tujuan utama berdirinya sebuah menara di masjid adalah sebagai tempat untuk menyerukan laungan azan dari suatu ketinggian tertentu bagi memudahkan masyarakat tinggal di kawasan yang jauh dari masjid dapat mendengar seruan azan tersebut dan mengetahui akan masuknya waktu solat. Asal-usul seruan azan sudah diketahui telah sedia ada sejak dari zaman Rasulullah S.A.W lagi. Melalui satu hadis yang diriwayatkan, pada ketika Rasulullah S.A.W sedang berfikir berkenaan dengan langkah yang berkesan untuk mengajak kaum

Muslimin untuk menunaikan solat berjemaah, ada yang berpendapat dengan menggunakan gendang dan loceng tetapi Rasulullah S.A.W tidak bersetuju dengan pendapat tersebut kerana ia bersamaan dengan konsep ibadah golongan Kristian dan Yahudi. Kemudiannya Baginda S.A.W meminta Bilal Ibnu Rabah untuk ke tempat yang berbukit dan melaungkan seruan azan (Ahmad et.al, 2012).

Menara masjid merupakan sebuah kawasan bagi para mu'azzin menyerukan laungan azan apabila tibanya masa untuk mendirikan solat. Selain diketahui sebagai sebuah menara, ia juga disebut sebagai "*ma'zanah*" iaitu perkataan arab yang bererti kawasan untuk melaungkan azan. Bloom (2013) dalam bukunya menyatakan bahawa kata asal *minaret* telah terbentuk sejak kurun ke-17 Masihi lagi dimana perkataan tersebut diambil dari Turkey iaitu '*minare*'. Ianya varian daripada perkataan '*minar*' yang ditakrifkan sebagai rumah api atau '*turretare*' yang diterjemahkan dari dua perkataan yang biasa untuk bahasa-bahasa Arab iaitu '*manar*' dan '*mandra*' yang pada hari ini secara universal dinamakan sebagai menara masjid. Petersen (2002, hlm 187) pula menyatakan bahawa menara adalah "*...tower-like structure usually associated with mosques or other religious buildings*". Kesan daripada pemahaman berkaitan dengan sejarah menara terhadap seni binanya pada zaman kini adalah suatu lambang atau pemberitahuan penting berkenaan dengan keberadaan sebuah masjid di sesuatu tempat. Walaupun kegunaan menara hari ini bukanlah sebagai sebuah tempat untuk menyalakan api dan muazin melaungkan azan, ia tetap menjadi ideniti penting kepada bahasa seni bina dan sebagai petunjuk arah kepada musafir tentang kewujudan sesebuah masjid.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Ahmad et.al (2012), asal-usul keberadaan menara di sisi masjid tidak dapat dijelaskan dengan terperinci. Hal ini kerana, pada era pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W bangunan masjid yang telah

dibangunkan tidak mempunyai menara sehingga era pemerintahan para sahabat. Pada ketika itu, seruan azan dilaungkan di kawasan tanah lapang tanpa satu ruang yang khas. Tambahan pula, para mu'azzin turut melaungkan azan dibahagian bumbung bangunan supaya suara laungan azan kedengaran dengan jelas. Menurut Aboebakor (1955) penjelasan tentang menara masjid pertama yang dibina di dalam sejarah Islam dijumpai pada tahun 724 Masihi iaitu pada Masjid Qirawan. Dalam penulisan beliau juga turut menjelaskan tentang terdapat monumen seperti menara telah didirikan oleh Khalifah Al-Walid pada zaman kerajaan Bani Umaiyyah di Masjid Besar Damsyik atau lebih dikenali sebagai "*The Great Mosque*". Walau bagaimanapun, Saphic (2009), pula menyatakan dalam bukunya bahawa Khalifah Al-Walid telah melakukan pengunahsuaian di sebuah gereja lama peninggalan kristian kerajaan Byzantine untuk mendirikan sebuah menara.

Walaupun pembinaan masjid ketika era pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W. tidak tertumpu pada menara, namun mengikut tulisan sejarawan, pembentukan menara masjid bermula ketika era kerajaan Muawiyah bersesuaian dengan perkembangan ajaran Islam di negara-negara lain. Dalam meniti era perkembangan seni bina masjid, elemen-elemen seperti kubah, mihrab, mimbar dan juga menara menjadi pelengkap kepada bahasa seni bina masjid. Masjid yang dibina tanpa adanya menara dikatakan tidak lengkap dari sudut bahasa seni bina masjid yang sepatutnya. Oleh hal yang demikian, menara adalah sebahagian daripada elemen ruang yang penting dalam seni bina masjid (Nasir, 1995).

## 1.1 Latar Belakang Menara Lama Surau Tengker

Melaka merupakan sebuah negeri yang diisytiharkan oleh UNESCO sebagai sebuah tapak warisan dunia yang sememangnya cukup dikenali di peringkat antarabangsa dan kaya dengan tinggalan warisan sejarah lama di zaman silam. Salah satu keunikan dan keistimewaan yang ada di negeri bersejarah ini adalah tinggalan seni bina yang berusia ratusan tahun, termasuklah seni bina bangunan warisan atau rumah-rumah ibadah. Binaan lama ini termasuklah bangunan Menara Lama Surau Tengker yang telah dibina sekitar tahun 1728 dan terletak sekurang-kurangnya 450 meter daripada Masjid Tengker yang merupakan masjid asal bagi menara lama tersebut. Perkataan Tengker yang berasal daripada perkataan Portugis iaitu *'Tranquerah'* yang membawa maksud sebuah benteng. Menurut Adam (2018), *'Tranquerah'* adalah benteng pertahanan dan ianya seperti sebuah kubu yang dibina sepanjang pantai pada zaman pemerintahan kerajaan Belanda pada ketika itu.

Usia Menara Lama Surau Tengker telah mencecah ratusan tahun iaitu selama 300 tahun. Pada masa kini, kedudukan menara lama ini yang betul-betul berada di tepi jalan raya menjadikan ramai masyarakat atau para pelancong yang datang ke Jalan Tengker akan terpegun melihat seni bina yang terdapat pada bangunan Menara Lama Surau Tengker tersebut. Menara Lama Surau Tengker merupakan sebuah menara masjid yang terletak di Bandar Melaka dan telah dibina oleh seorang ulama dan pedagang dari India ketika pemerintahan Belanda. Menara lama ini terkenal dengan gaya seni binanya yang mempunyai campuran rekaan Islam dan Cina. Menara Lama Surau Tengker terletak di Jalan Tengker dan kedudukannya berhampiran dengan Masjid Tengker dan Muzium Belia Malaysia.



## 1.2 Permasalahan Kajian

Di sebalik kepesatan era pembangunan moden di Melaka, bangunan-bangunan lama seperti Menara Lama Surau Tengkerah masih berdiri teguh walaupun terdapat sebahagian daripada bangunannya kelihatan uzur dan dinding bangunan yang dipenuhi dengan lumut serta tidak terurus. Keadaan ini mencetuskan kekeliruan dan tanda tanya kepada pengunjung sama ada ianya struktur bangunan warisan atau sekadar pameran 'monumen' yang tidak berharga (Zakinan, 2017). Namun begitu, banyak pihak tidak mengetahui bahawa Menara Lama Surau Tengkerah ini pernah memberi sumbangan dalam penceritaan sejarah terutamanya dari segi seni bina yang melambangkan keunikan reka bentuknya pada ketika dahulu dan pembuktian bahawasanya Islam telah bertapak di Melaka sejak 600 tahun yang lalu. Sehubungan itu, pertembungan budaya antara masyarakat Melayu dan Cina telah menghasilkan satu seni yang unik menjadikan seni bina menara tersebut berbentuk pagoda dan mempamerkan hasil pengaruh seni bina Cina selain dijadikan rujukan untuk pembinaan masjid-masjid lain. Meskipun sudah berusia ratusan tahun, strukturnya masih kekal utuh dan kukuh sehingga pada hari ini. Walau bagaimanapun, kesan tinggalan seni binanya telah mengalami beberapa kerosakan sehingga menara lama surau tersebut hampir pupus akibat masalah pengabaian (Zakinan, 2017).

Selain itu, pemahaman mengenai pembangunan semula Menara Lama Surau Tengkerah serta aspek kesedaran dalam kalangan masyarakat setempat masih lagi berada di tahap yang rendah (Mamat, 2014). Masyarakat sekitar dan pihak-pihak yang seharusnya terlibat dalam bidang pemuliharaan warisan tidak peka dengan keadaan menara lama yang semakin usang sedangkan menara ini mempunyai aspek sejarah dan warisannya yang tersendiri. Keadaan struktur Menara Lama Surau Tengkerah yang mengalami kerosakan serius serta ditambah dengan papan tanda yang tidak

diselenggara dengan sempurna wajar diambil tindakan pemeliharaan dan pemuliharaan dengan segera. Oleh hal yang demikian, Lawson (2010) menegaskan bahawa golongan pengguna, pemilik dan pentadbiran kerajaan negeri merupakan sebuah kumpulan masyarakat yang memainkan peranan penting dalam aktiviti memulihara dan memelihara Menara Lama Surau Tengker. Berdasarkan pernyataan di atas, aspek kesedaran masyarakat serta pihak-pihak yang terlibat untuk terus melaksanakan proses pembangunan semula Menara Lama Surau Tengker dilihat sebagai langkah yang tepat untuk menggerakkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan di kalangan mereka.

Di samping itu, walaupun pihak kerajaan negeri telah merancang untuk menjalankan pelbagai usaha pemuliharaan terhadap Menara Lama Surau Tengker, namun demikian penglibatan masyarakat setempat serta pihak berkepentingan yang lain kurang melibatkan diri dalam menghidupkan semula menara lama ini (Zakinan, 2017). Oleh itu usaha untuk menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker menjadi semakin sukar dilakukan. Menurut Zakinan (2017), usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan juga kurang mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat setempat dan pelbagai pihak. Penglibatan pihak yang bertanggungjawab ke atas pemuliharaan menara lama ini penting untuk mengenal pasti kehendak masyarakat di kawasan sekitar. Maka, usaha-usaha yang dirancang untuk menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker ini haruslah memberi kelebihan dan keuntungan kepada pihak berkepentingan kerana mereka merupakan kumpulan yang penting ke atas proses pemuliharaan menara ini. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji peranan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan bangunan warisan Menara Lama Surau Tengker, Melaka dalam menjalankan usaha-usaha untuk menghidupkan semula bangunan Menara Lama Surau Tengker.

### 1.3 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:


1. Siapakah pihak berkepentingan yang terlibat dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka?
2. Apakah peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka?
3. Apakah usaha-usaha pihak berkepentingan dalam menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker, Melaka?

### 1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif utama di dalam kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka.
2. Mengkaji peranan pihak berkepentingan dalam pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka.
3. Menganalisis usaha-usaha pihak berkepentingan dalam menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker, Melaka.

## 1.5 Lokasi Kajian



Rajah 1.1: Lokasi Menara Lama Surau Tengkerah, Melaka

(Sumber: Peta google)

Rajah 1.1 menunjukkan lokasi kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu di Menara Lama Surau Tengkerah, Melaka. Menara ini terletak berhampiran dengan Masjid Tengkerah, Muzium Belia Malaysia dan Kompleks Badminton Melaka. Kedudukan Menara Lama Surau Tengkerah yang terletak di tengah-tengah bandar dan mudah untuk diakses menjadi kelebihan kepada para pelancongan untuk mengunjungi menara lama tersebut dengan mudah. Selain itu, Masjid Tengkerah yang berhampiran dengan lokasi menara lama sememangnya sudah menjadi faktor kehadiran pelancong ke Melaka, seterusnya mampu menarik minat mereka untuk melihat keistimewaan Menara Lama Surau Tengkerah. Jarak antara Masjid Tengkerah ke Menara Lama Surau Tengkerah adalah sejauh 450meter dan mengambil masa kira-kira 5 minit untuk sampai ke lokasi tersebut dengan hanya berjalan kaki.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tentang punca-punca kerosakkan bangunan Menara Lama Surau Tengkeri di Melaka. Melalui kajian ini, pengkaji mengenalpasti pihak berkepentingan yang terlibat proses dalam memulihara bangunan Menara Lama Surau Tengkeri di Melaka. Pengkaji juga turut mengkaji peranan pihak berkepentingan yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengkeri, Melaka. Kajian ini turut menganalisis usaha-usaha pihak berkepentingan dalam menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengkeri, Melaka. Kajian ini hanya tertumpu kepada negeri Melaka sahaja. Pengkaji telah memilih daerah Melaka Tengah untuk mengumpulkan maklumat dan data yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temubual dan pemerhatian. Kaedah temubual yang dilakukan pula adalah temubual bersemuka, informal dan semi-struktur. Kaedah pemerhatian pula adalah pemerhatian tidak turut serta. Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder di dalam pengumpulan data. Data primer adalah data yang diperolehi daripada kaedah temubual dan pemerhatian. Data sekunder pula adalah data yang diperolehi daripada sumber bertulis seperti kajian-kajian lepas, jurnal dan internet.

Seterusnya, pengkaji menggunakan persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan. Pengkaji telah menemubual 10 orang responden yang terdiri daripada lima orang ahli jawatankuasa masjid Tengkeri, seorang pegawai di Perbadanan Muzium Melaka dan selebihnya daripada masyarakat di sekitar menara. Kajian ini telah menggunakan analisis tematik untuk menganalisis data yang telah diperolehi.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah penting kerana Menara Lama Surau Tengkeru merupakan sebuah bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah dan nilai warisan serta keunikan yang tersendiri. Kepentingan kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

### **1.7.1 Individu**

Kajian mengenai Menara Lama Surau Tengkeru adalah penting untuk meningkatkan ilmu pengetahuan terhadap seseorang individu terutamanya kepada generasi muda akan datang. Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada individu bahawa Menara Lama Surau Tengkeru pernah menjadi lambang seni bina Islam suatu ketika dahulu. Menara itu perlu dipelihara dan dipulihara dengan baik daripada terus mengalami ancaman kerosakan. Kajian ini seterusnya dapat memberi kefahaman dan pengetahuan yang jelas kepada individu berkaitan dengan garis panduan pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilaksanakan ke atas bangunan-bangunan warisan.

### **1.7.2 Masyarakat**

Seterusnya, kajian mengenai Menara Lama Surau Tengkeru juga penting kepada masyarakat terutamanya masyarakat setempat. Hal ini demikian kerana, dengan cara ini masyarakat dapat mengenali identiti sebenar gaya hidup masyarakat di Tengkeru pada zaman dahulu. Di samping itu, masyarakat setempat juga dapat mengetahui serba sedikit maklumat mengenai sejarah dan latar belakang pembinaan menara lama pada ketika itu. Informasi dan maklumat yang terperinci ini hanya boleh didapati di Jalan Tengkeru. Melalui kaedah ini juga, ia dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat

setempat bahawa Menara Lama Surau Tengkeru merupakan sebuah bangunan warisan yang perlu dijaga dengan baik untuk diturunkan kepada generasi akan datang.

### **1.7.3 Institusi**

Kajian mengenai Menara Lama Surau Tengkeru adalah relevan dan penting bukan sahaja kepada pengkaji tetapi penting kepada ramai pihak dari pelbagai institusi. Kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada mana-mana pihak yang ingin menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan bangunan-bangunan bersejarah seperti menara lama ini. Maklumat dan pengetahuan yang diperolehi oleh pengkaji dapat dikongsi dengan pelbagai pihak. Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan oleh mahasiswa dan juga pensyarah di dalam pengajaran dan pembelajaran.

### **1.8 Struktur Projek Penyelidikan**

Projek penyelidikan ini terbahagi kepada lima bab. Bab yang pertama adalah mengenai pengenalan kajian. Seterusnya dalam bab kedua pula menunjukkan beberapa sorotan kajian lepas. Kajian-kajian lepas yang digunakan adalah mengikut susunan tema mengenai pemuliharaan bangunan warisan dan konsep berkaitan dengan menara masjid. Dalam bab dua juga terdapat penggunaan teori berkaitan dengan peranan pihak berkepentingan dalam proses pemuliharaan iaitu Teori Pengurusan Birokrasi. Justeru, dalam bab tiga adalah berkaitan dengan metodologi kajian. Dalam bab tiga ini membincangkan mengenai kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat kajian. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif yang melibatkan proses temu bual bersama dengan sepuluh orang responden yang terlibat secara

langsung atau tidak langsung dalam proses pemuliharaan di Menara Lama Surau Tengker.

Selain itu, dalam bab keempat pula berkaitan dengan hasil dapatan kajian. Dalam bab ini membincangkan mengenai data dan maklumat yang diproses setelah kajian lapangan dilaksanakan. Tambahan, terdapat juga pecahan sub tema baharu yang dikeluarkan daripada transkrip temu bual. Akhir sekali, adalah bab kelima yang menghuraikan tentang rumusan mengenai keseluruhan bab serta cadangan bagi menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker, Melaka.



## **BAB DUA**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab Dua membincangkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu berkaitan dengan Menara Lama Surau Tengker. Bab ini menerangkan mengenai gambaran keseluruhan topik yang dipecahkan kepada menjadi sembilan bahagian iaitu bahagian pertama adalah mengenai pengenalan dan kedua adalah mengenai definisi warisan budaya di Malaysia. Seterusnya, pada bahagian ketiga adalah mengenai konsep bangunan masjid seperti sejarah menara masjid dan seni bina terhadap menara masjid di dunia.

Di samping itu, bab ini juga turut menjelaskan mengenai punca-punca kerosakan pada bangunan warisan. Pada bahagian kelima pula akan dijelaskan mengenai pemuliharaan bangunan warisan. Diikuti dengan kepentingan pemuliharaan bangunan warisan serta pihak berkepentingan. Tambahan, aplikasi teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Pengurusan Birokrasi

#### **2.1 Definisi Warisan**

Terdapat pelbagai definisi yang digunakan untuk menjelaskan maksud warisan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007), warisan ditakrifkan sebagai sesuatu yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang dengan satu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Takrifan ini juga disokong oleh definisi yang dikemukakan dalam *Akta Harta Benda Purba, 1976* yang menyatakan bahawa warisan merangkumi apa jua tinggalan turun-temurun sama ada ianya buatan

manusia atau semula jadi yang boleh dialih atau tidak boleh dialih dan yang nampak atau tidak nampak. Walau bagaimanapun, Howard (2003) berpendapat bahawa istilah warisan mempunyai hubungan dan kaitan yang jelas dengan konsep mewarisi sesuatu yang mempunyai nilai khazanah secara turun-temurun. Secara umumnya, istilah warisan mempunyai maksud subjektif dan luas (Razak, 2006). Oleh hal yang demikian, warisan yang telah diturunkan dari generasi ke generasi tidak mempunyai had masa atau garisan yang dapat menentukan jika harta atau peninggalan layak dinyatakan sebagai suatu warisan.

### **2.1.1 Definisi Warisan Ketara**

Warisan budaya di Malaysia terdiri daripada pelbagai bentuk, falsafah serta lambang budayanya dan seterusnya mewujudkan keunikan yang dimiliki oleh negara Malaysia amnya. Keunikan ini perlu dipelihara dan dijaga oleh setiap bangsa atau etnik yang mendiami bumi Malaysia. Oleh itu, setiap individu di dalam masyarakat perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga dan memelihara budaya mereka. Ini kerana setiap budaya merupakan identiti sesebuah bangsa dan etnik (Mohd Yusoff et al., 2011). Secara amnya, warisan budaya boleh ditakrifkan sebagai warisan ketara, tidak ketara, berstruktur atau artifak kebudayaan termasuk objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzium warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia, dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semula jadi (Corsane, 2005; Saleh, 2010).

Warisan ketara menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005) dijelaskan sebagai sesuatu benda yang mempunyai nilai sejarah iaitu boleh dilihat secara fizikal dan

diwarisi oleh generasi yang akan datang secara turun temurun. Selain itu, warisan budaya ketara juga boleh diterjemahkan sebagai benda yang boleh diwariskan kepada generasi akan datang dengan nilai yang tersendiri. Menurut Mohd Yusoff et al. (2011), waisan budaya ketara terdiri daripada gunung, sungai, masjid, candi, bangunan, monumen, pekan, makam, pantai, manuskrip, karangan-karangan lama dan baru, mempunyai nilai tinggi oleh masyarakat, artifak sejarah dan pemuziuman yang tergolong dalam warisan tampak.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (2021), pula menjelaskan bahawa warisan ketara merupakan sesuatu benda yang boleh disentuh dan dilihat dengan mata kasar. Ia juga mempunyai ciri yang statik atau mudah alih. Statik merujuk kepada tapak bersejarah, monumen, bangunan dan benda yang tidak boleh digerakkan. Oleh hal yang demikian, Mohd Yusoff (2018) menjelaskan bahawa warisan budaya ketara lebih merujuk kepada warisan yang berkedudukan tetap dan boleh bergerak ke satu tempat bergantung kepada bentuk saiznya.

### **2.1.2 Bangunan Warisan sebagai salah satu Warisan Ketara**

Bangunan warisan biasanya dianggap sebagai sebuah bangunan atau struktur yang mempunyai beberapa jenis nilai warisan dan sejarahnya yang tersendiri. Powell (1994), menjelaskan bahawa bangunan-bangunan bersejarah merupakan warisan ketara yang mempunyai nilai tersirat dan tersurat. Bangunan boleh dilihat dan disentuh dengan pancaindera secara realiti, seterusnya dapat dihayati dengan penuh bermakna sama ada dari sekecil artifak sehinggalah kepada bangunan dan tapak-tapak bersejarah di dalam sesebuah bandar. Selain itu, bangunan bersejarah turut didefinisikan sebagai suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambungan yang

disebabkan seni binanya, kehomegenannya atau tempatnya dalam lanskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains (Jabatan Warisan Negara, 2009). A. Ghafar (2000) pula menyatakan bahawa bangunan bersejarah merupakan bangunan yang mempunyai unsur sejarah, budaya dan nilai seni bina yang tinggi.

Pengekalan bangunan dan kawasan bersejarah akan dapat dijadikan sebagai bahan-bahan bukti sejarah. Semua bahan-bahan sejarah seperti monumen, bangunan dan kawasan merupakan satu warisan yang amat berharga yang perlu dikekalkan dan dipelihara untuk generasi kini dan akan datang. Peninggalan sejarah dari zaman kesultanan Melayu seperti istana, rumah pembesar dan masjid serta peninggalan dari penjajah barat seperti kota, menara jam dan bangunan-bangunan institusi dapat mengimbas kembali era dan detik-detik sejarah yang dialami oleh sesebuah negara (Powell, 1994). Manakala A.Gafar (2010) pula berpendapat bahawa bangunan lama dapat berfungsi sebagai bukti kepada sesuatu era atau peristiwa bersejarah. Pada zaman penjajahan Portugis, Belanda dan British di Malaysia, terdapat banyak bangunan dan monumen telah dibina di sekitar bandar-bandar utama bagi tujuan kediaman, pentadbiran, pertahanan, pengangkutan dan perniagaan.

Fielden (1994) berpendapat sekiranya sesebuah bangunan itu telah bertahan sehingga 100 tahun usia penggunaannya, sewajarnya diiktiraf bangunan tersebut sebagai monumen atau bangunan bersejarah. Malaysia terutamanya kaya dengan warisan, monumen dan bangunan bersejarah. Kebanyakan daripada monumen atau bangunan bersejarah ini telah disenaraikan sebagai monumen atau bangunan warisan dan ianya telah dibina di antara tahun 1800 hingga 1900. Sesebuah bangunan itu boleh digelar sebagai bangunan warisan sekiranya ia mempunyai nilai seperti seni bina, estetik, sejarah, dokumentari, arkeologi, ekonomi, sosial, politik, rohani dan simbolik.

## 2.2 Konsep Bangunan Masjid

Secara umumnya, masyarakat hari ini melihat masjid sebagai tempat ibadah khusus dalam kehidupan muslim. Persepsi sedemikian perlu dimurnikan agar seluruh masyarakat memahami konsep sebuah masjid dan menyedari pentingnya peranan sebuah masjid dalam membangunkan ummah. Masjid bukan sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan masyarakat Islam malahan lebih penting di mana masjid adalah nadi dan pusat kegiatan aktiviti umat Islam (Abd. Wahab et.al, 2016). Istilah masjid yang telah dikemukakan oleh Syauqi (2004) adalah berasal dari Bahasa Arab yang diambil dari perkataan “*sajada, yasjudu, sajan*”. Perkataan *sajada* pula merujuk kepada maksud bersujud, taat, patuh serta tunduk dengan penuh hormat. Apabila merujuk kepada sesuatu tempat maka istilahnya menjadi “*masjidun*” yang membawa kepada maksud tempat sujud menyembah Allah SWT (Abd. Wahab et.al.). Oleh itu, istilah masjid merujuk kepada suatu tempat atau bangunan yang fungsi utamanya adalah sebagai tempat solat dan bersujud menyembah Allah SWT.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) masjid adalah sebagai sebuah bangunan khas untuk umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Selain itu, Ramli dan Nik Dahlan (2014), menyatakan bahawa maksud masjid adalah tentang fungsi masjid. Antara fungsi utama masjid adalah untuk memohon doa dan beriktikaf. Fungsi masjid tidak terbatas kepada aktiviti itu sahaja tetapi di masjid juga orang-orang Islam melakukan ibadat-ibadat lain seperti solat secara berjemaah, solat Jumaat, solat terawih, membaca Al-Quran, belajar dan sebagainya. Hal ini sekaligus menjadikan masjid tempat untuk umat Islam berkumpul. Selain itu, Ramli dan Nik Dahlan (2014) mengatakan di masjid juga merupakan tempat menyampaikan segala maklumat berkaitan urusan kemasyarakatan dalam menerangkan agama Islam itu sendiri. Aktiviti ini juga tidak terbatas pada aspek agama sahaja kerana aspek keduniaan

juga disampaikan di sini (Ramli & Nik Dahlan, 2014). Berdasarkan fungsi-fungsi tersebut, masjid dapat disimpulkan sebagai pusat aktiviti bagi penganut agama Islam. Sebagai contoh A'yun (2015, hlm 69), menyatakan bahawa:

*Tidaklah salah jika masjid diinterpretasikan sebagai pusat dari segala aktiviti kaum muslim. Sehingga masjid pun menjadi bangunan yang memiliki peranan strategik di dalam kehidupan umat Islam. Tidak hanya berkaitan dengan ritual peribadatan saja, tetapi juga menyangkut kehidupan sosial budaya dan kemasyarakatan secara luas*

Secara umumnya, masjid dinyatakan sebagai salah satu ciri yang terdapat dalam kehidupan orang-orang Islam dalam menunjukkan kepatuhan mereka terhadap perintah Allah S.W.T. Jika masjid tidak dibangunkan, umat Islam akan lalai untuk menunaikan solat berjemaah yang menjadi kewajipan fardhu kifayah.

### **2.2.1 Sejarah Menara Masjid**

Menara Masjid adalah sebuah bangunan yang tinggi menjulang ke atas dan merupakan simbol dari peradaban Islam iaitu sebagai penanda kehadiran dan keberadaan Islam di sesebuah tempat. Sebagai salah sebuah simbol peradaban, menara telah dibangunkan oleh umat Islam karena ianya memiliki fungsi yang amat penting, iaitu sebagai tempat untuk menyerukan seruan azan (Sutrisno & Prijadi, 2013). Sejarah pembinaan menara masjid telah diawali oleh khalifa Al-Walid dari keturunan Bani Umayyiah pada ketika itu beliau sedang melakukan pengubahsuaian pada sebuah gereja lama Kerajaan Byzantine sehingga menjadi sebuah masjid besar. Bangunan tersebut

pada asalnya mempunyai dua buah menara di mana salah satu dari menara tersebut menempatkan loceng dan sebuah lagi menara digunakan untuk menyalakan api pada waktu malam (Ahmad et.al, 2012). Walau bagaimanapun, menurut Sutrisno dan Prijadi (2013), Khalifah Al-Walid telah menambah sebuah lagi menara pada sisi bahagian utara di atas gerbang Al-Firdaus dan menara itu dipanggil sebagai Menara Utara Masjid Damsyik (Damascus).

Secara amnya, menara merupakan salah satu daripada perkembangan seni bina Islam. Menara bukanlah ciri asal kepada pembangunan sesebuah masjid tetapi menara yang merupakan tempat untuk para muadzin melaungkan seruan azan. Menurut Ahmad et.al. (2012) sebelum kedatangan Islam, menara dipercayai telah lama wujud pada bangunan gereja yang terdapat pada kerajaan Byzantine. Oleh hal yang demikian, tanggapan bahawa Tamadun Islam mula meminjam seni bina menara dari kerajaan Byzantine seharusnya disangkal dan dinafikan berdasarkan asal kewujudan menara tersebut.


### **2.2.2 Rekabentuk Menara Masjid**

Seni bina dan ragam hias pada sesebuah menara masjid telah berubah dan dipelbagaikan. Terdapat menara masjid yang berbentuk segi empat dan kebanyakannya terdapat di Syria, Mesir dan Utara Afrika (Ahmad et.al, 2012). Menurut Ahmad et.al (2012) lagi, ketika zaman pemerintahan kerajaan Abasiyah di Mesopotamia, reka bentuk menara masjid adalah berbentuk bulat atau silinder dan memiliki selusur laluan yang melandai pada bahagian luar menara yang bertujuan untuk memudahkan para muadzin naik ke puncak menara untuk melaungkan seruan azan. Antara contoh, menara yang mempunyai rupa bentuk silinder adalah menara Masjid Agung Samarra (Rajah 2.1), Iraq dan Masjid Ibn Tulun (Rajah 2.2) di Mesir.



Rajah 2.1

Menara Masjid Agung Samarra



Rajah 2.2

Menara Ibn Tulun

Pada kurun ke-19, Mesir telah memperkenalkan rekabentuk menara yang tersendiri iaitu campuran rekaan dari Syria dan Mesir. Reka bentuk pada bahagian bawah masjid berbentuk segi empat dan pada bahagian atasnya pula berbentuk silinder (Ahmad et.al, 2012). Selain itu, rekabentuk menara pada masjid-masjid di Timur Tengah, India dan pertengahan Asia menurut Ahmad et.al (2012), adalah lebih kepada berbentuk silinder. Hal ini kerana, pembinaan menara-menara pada ketika itu telah dipengaruhi oleh rekabentuk menara-menara yang telah dibina oleh kerajaan sebelumnya.

Secara keseluruhannya, terdapat tiga jenis reka bentuk menara masjid iaitu menara masjid yang berbentuk segi empat (pandangan dari atas – pelan bangunan), bentuk silinder atau kon (dari pandangan pelan berbentuk bulat) dan yang terakhir penggabungan segi empat dan silinder, walau bagaimanapun, bentuk ini telah dipelbagaikan. Kebanyakannya semakin bertingkat dan mengecil di bahagian puncaknya. Menara silinder yang berbentuk bintang (pandangan pelan berbentuk



bintang) pula hanya wujud pada awal perkembangan Islam dan kemudiannya pupus dan tidak lagi digunakan selepas itu (Ahmad et.al., 2012).

### **2.3 Punca Kerosakkan pada Bangunan Warisan**

Kemusnahan bangunan warisan merupakan sesuatu yang amat merugikan kerana bangunan warisan tidak boleh diganti dengan sesuatu yang baru (Jabatan Warisan Negara, 2007). Robertson (2007) juga menyatakan bahawa bangunan warisan yang tidak dipelihara dengan baik akan menyebabkan kerosakan pada bangunan dan seterusnya menyebabkan kemusnahan. Kebanyakan bangunan yang dikategorikan sebagai bangunan warisan telah mengalami kerosakkan disebabkan oleh faktor-faktor ekstrusif iaitu faktor luaran dan faktor intrusif yang disebabkan oleh kelemahan yang berlaku dari mineral. Menurut Ghafar (1994), terdapat pelbagai permasalahan lain yang timbul ketika melakukan kajian terhadap kerja-kerja pemuliharaan. Antara permasalahan yang timbul adalah seperti kesukaran mencari punca yang menyebabkan kecacatan pada bangunan kajian. Selain itu, kecacatan dan kemusnahan pada bangunan yang semakin menular dan kesukaran untuk menentukan bahan-bahan asli. Hal ini kerana, terdapat campuran bahan baru yang digunakan pada bangunan warisan. Akhir sekali, kesukaran untuk membuat rujukan menjadi punca kelewatan dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan. Perkara ini berlaku kerana bangunan-bangunan warisan dibina tanpa berpandukan spesifikasi lukisan (Zainuddin, 2021). Oleh kerana itu, segala faktor kerosakan sesebuah bangunan harus diambil tindakan yang serius dan drastik bagi mengekalkan keaslian nilai seni bina bangunan warisan yang terdapat di Malaysia.

## 2.4 Pemuliharaan Bangunan Warisan

Pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia dapat dilihat semakin suram dan tidak banyak bangunan-bangunan warisan yang sedia ada dijaga dengan baik. Dalam memperlihatkan kehebatan warisan sesebuah negara, bangunan warisan merupakan warisan yang perlu dijaga dan diurus dengan baik untuk mengekalkan keaslian sesebuah bangunan warisan tersebut. Menurut ICOMOS (1999), pemuliharaan bangunan warisan telah didefinisikan di dalam Piagam Burra atau dikenali sebagai *The Australia ICOMOS Charter for the Conservation of Places of Cultural Significance with Associated Guidelines and Code on the Ethics of Coexistence*, sebagai proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan budaya dapat dikekalkan. Di samping itu, Perbadanan Muzium Melaka (2006), pula mentakrifkan pemuliharaan bangunan warisan sebagai kerja-kerja membaik pulih dengan menggunakan kaedah mengekalkan seni bina dan bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan bahan asal. Pemuliharaan melibatkan kerja-kerja mengekalkan keadaan asal sesebuah bangunan dan tapak tanah warisan seperti mana yang asal dan usaha ini merupakan satu proses untuk memanjangkan hayat bangunan supaya ia boleh terus kekal untuk generasi yang akan datang (Jabatan Warisan Negara, 2012).

Pemuliharaan bangunan warisan merupakan perkara yang amat penting kepada sesebuah negara. Hal ini kerana, penjagaan yang rapi terhadap bangunan-bangunan warisan mampu memberikan nilai simbolik kepada negara seterusnya mampu menjadi tatapan kepada generasi yang akan datang dalam mengetahui nilai sejarah yang sedia ada.. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Baharom (2022), Malaysia telah banyak memulihara bangunan-bangunan warisan tetapi disebabkan oleh faktor-faktor pengurusan yang lemah telah menyebabkan berlakunya konflik dalam isu pemuliharaan bangunan warisan. Walaupun pelbagai usaha dan cadangan telah diutarakan kepada

pihak berwajib sehingga hari ini kesemua cadangan dan usaha yang dikemukakan masih belum mendatangkan hasil. Dalam hal ini, pihak yang seharusnya menjalankan tanggungjawab dalam pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan perlu memandang serisus bagi menangani masalah –masalah yang berlaku (Baharom, 2022).

Menurut Abdul Rashid (2010), pula bangunan-bangunan warisan adalah sebuah aset yang paling bernilai bagi sesebuah negara. Oleh hal yang demikian, antara langkah yang boleh dilakukan dalam memastikan pengekalan bangunan warisan adalah dengan menjalankan kerja pemuliharaan yang sistematik. Terdapat sesetengah bangunan warisan di Malaysia yang berusia ratusan tahun tidak diselenggara dan terpinggir kerana pihak yang bertanggungjawab lebih mementingkan kemajuan negara berbanding memulihara bangunan lama. Namun demikian, dengan adanya tanggapan dan pemahaman sebegini kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan perlulah dilaksanakan mengikut prosedur yang betul supaya tiada kerosakan fizikal dan penyusutan nilai bangunan warisan yang sedia ada (Ahmad, 1994).

## **2.5 Kepentingan Pemuliharaan**

Malaysia begitu kaya dengan peninggalan bangunan-bangunan bersejarah yang bernilai (Ariffin, 2015). Oleh hal yang demikian, komuniti setempat perlulah mempunyai kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan bangunan di Malaysia. Hal ini kerana, tanggungjawab pemuliharaan harus dipikul dan dikongsi oleh setiap individu. Seterusnya, komuniti setempat di bandar Melaka perlu cakna terhadap pemuliharaan bangunan menara masjid yang dikategorikan sebagai bangunan warisan. Hal ini demikian kerana, bangunan bersejarah memiliki ciri-ciri dan keistimewaan reka bentuk seni binanya yang menarik, elemen yang unik dan estetik dan seharusnya

diwarisi hingga ke generasi yang akan datang. Oleh sebab itu, usaha yang berterusan dalam proses memulihara bangunan menara masjid ini perlu dilakukan bagi memberi peluang kepada generasi akan menikmatinya.

Merujuk kepada kenyataan yang telah dinyatakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (1996), terdapat beberapa kepentingan pemuliharaan bangunan warisan seperti dapat mengekalkan nilai-nilai warisan budaya yang merupakan langkah ke arah pembentukan identiti reka bentuk tempatan. Hal ini tercetus apabila kepelbagaian reka bentuk serta ukiran yang sering menggunakan bahan semula jadi seperti kayu menampakkan ciri-ciri tradisional melayu. Ukiran-ukiran ini juga mempunyai maksud yang tersendiri sekaligus menjadikannya sebagai satu identiti masyarakat Malaysia di sesebuah tempat (Izahar, 2022). Selain itu, pemuliharaan dapat meningkatkan taraf bangunan warisan daripada masalah seperti kadar keusangan yang tinggi dan kurang penyelenggaraan. Justeru itu, dengan adanya inisiatif dari pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti JWN secara tidak langsung mengurangkan kadar keusangan sesebuah bangunan warisan.

Pemuliharaan dapat memberi manfaat kepada bangunan warisan. Antara kepentingan pemuliharaan termasuklah menjaga kepentingan seni bina dan kebudayaan. Sebagai contoh, inovasi teknologi dan keunggulan penciptaan merupakan aspek teknikal yang penting dan perlu diambil kira dalam mengiktiraf kepentingan warisan sesebuah bangunan.

## **2.6 Pihak Berkepentingan**

Dalam isu pemuliharaan warisan, penglibatan dari pelbagai pihak berkepentingan perlulah dilihat sebagai satu pendekatan dari bawah ke atas dalam usaha pemuliharaan

bangunan warisan dan perancangan bandar (Esther, 2011). Menurut Savage et. al., (1991) pihak berkepentingan atau “*stakeholder*” merupakan individu atau kumpulan yang mempunyai kepentingan di dalam tindakan dan keupayaan untuk mempengaruhi. Malahan Carroll (1993) menjelaskan bahawa pihak berkepentingan merupakan individu atau kumpulan yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh tindakan, keputusan, dasar, amalan atau matlamat sesuatu organisasi. Selain itu, pihak berkepentingan dalam kajian ini merujuk kepada Agensi Pelaksanaan, Jabatan Warisan Negara, Perbadanan Muzium Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan komuniti setempat yang berada di sekitar kawasan kajian.

Menurut Philips dan Robert (2003), pihak berkepentingan merupakan individu atau kumpulan organisasi yang mempunyai kepentingan hak tertentu dalam sesebuah organisasi. Pihak berkepentingan terbahagi kepada dua jenis iaitu primer dan sekunder. Pihak berkepentingan primer merupakan orang dalaman yang mempunyai kepentingan langsung dalam organisasi. Sebagai contoh, pekerja, pembekal dan pelanggan. Manakala pihak berkepentingan sekunder pula adalah orang luaran yang mempunyai kepentingan tidak langsung dalam organisasi. Misalnya, pihak kerajaan, media dan masyarakat (Makhtar, 2021). Oleh itu, penglibatan pihak berkepentingan dalam proses pemuliharaan adalah sangat penting. Proses pemuliharaan bukan sahaja perlu melibatkan badan kerajaan tetapi memerlukan sokongan dari pelbagai pihak termasuklah badan bukan kerajaan dan komuniti setempat.

## **2.7 Aplikasi Teori: Teori Pengurusan Birokrasi**

Teori pengurusan birokrasi merupakan teori yang sesuai digunakan untuk mengkaji peranan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan bangunan warisan Menara Lama

Surau Tengker, Melaka. Asas kepada kerangka teori yang digunakan dan dipilih oleh pengkaji adalah dengan menggunakan beberapa pendekatan yang berkaitan dengan teori pengurusan birokrasi yang telah diilhamkan oleh Max Weber (1864-1920). Menurut A.Rahman (2009), birokrasi didefinisikan sebagai cara pelaksanaan pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang sah yang telah dibuat dalam sesebuah organisasi. Dari segi konsep, Weber merujuk birokrasi sebagai sejenis struktur pentadbiran yang dibangunkan di mana di dalamnya terdapat autoriti “rasional-sah” (Scott, 2003). Max Weber telah memperkenalkan sistem pengurusan birokrasi yang menekankan kepada peranan sesebuah organisasi, pengurusan hirarki, penentuan sesuatu bahagian atau unit pekerjaan, membuat prosedur operasi standard serta menjalankan tugas dan tanggungjawab (Rajah 2.3). Semua birokrasi yang ideal hanya wujud apabila seseorang individu memberi dan menerima arahan sebagai satu peraturan dalam sistem rasional (Baharom, 2022).



Rajah 2.3: Kerangka Teori Max Weber  
(Sumber: W. Richard Scott (2003))

Kajian ini seterusnya menggunakan teori pengurusan birokrasi dalam mengkaji 'Peranan Pihak Berkepentingan Terhadap Pemuliharaan Bangunan Warisan Menara Lama Surau Tengker Melaka'. Teori ini menekankan mengenai peranan sesebuah organisasi pengurusan hirarki, penentuan sesuatu bahagian atau unit pekerjaan, membuat prosedur operasi standard serta menjalankan tugas dan tanggungjawab. Kajian ini telah mengenal pasti pihak pengurusan yang bertanggungjawab dalam memastikan bangunan warisan Menara Lama Surau Tengker di Melaka terus dijaga dan dipelihara dengan sebaiknya. Pihak bertanggungjawab tersebut adalah Majlis Bandaraya Melaka, Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Melaka serta pihak komuniti yang berada di sekeliling tempat kajian tersebut. Pihak-pihak ini merupakan orang yang seharusnya menjalankan peranan mereka bagi memastikan bangunan warisan Menara Lama Surau Tengker terus terjaga dan terpelihara.

## **2.8 Kesimpulan**

Kesimpulannya, kajian literatur yang dijalankan merupakan hasil penelitian dan pengkajian keseluruhan buku-buku, penulisan ilmiah, jurnal yang dikaji dan ditulis oleh pengkaji terdahulu mengenai tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji. Secara umumnya, hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu membincangkan secara ringkas mengenai pemuliharaan bangunan warisan. Melalui kajian literatur lepas pengkaji kepentingan pemuliharaan bangunan warisan yang semakin banyak dipersoalkan di seluruh negara. Namun begitu, berdasarkan tinjauan kajian lepas ini, membantu pengkaji untuk memfokuskan kepada tajuk kajian yang dikaji iaitu peranan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan bangunan warisan Menara Lama Surau Tengker di negeri Melaka. bagi penelitian lebih dalam pengkaji menyatakan tentang usaha-usaha memulihara bangunan menara lama tersebut. Penggunaan teori pengurusan

birokrasi yang telah diperkenalkan oleh Max Weber (1864-1920) merupakan teori yang sangat sesuai dengan tajuk kajian. Oleh itu, pengkaji menggunakan teori pengurusan birokrasi dalam mengkaji peranan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan bangunan warisan Menara Lama Surau tengkera di Melaka.





## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Bab Tiga menerangkan mengenai metodologi atau kaedah kajian. Dalam bab ini membincangkan tentang pengenalan serta menjelaskan secara keseluruhan topik yang disenaraikan dalam metodologi kajian. Kedua, metodologi kajian ini menerangkan mengenai pendekatan kajian yang digunakan iaitu pendekatan kualitatif. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah pemerhatian dan temu bual. Seterusnya, sumber daripada kajian ini adalah dari sumber primer dan sekunder. Kemudian, adalah berkaitan dengan pensampelan kajian dimana pengkaji menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian iaitu pensampelan bertujuan dan pensampelan bebola salji. Pengkaji juga telah menemu bual sepuluh orang responden kajian untuk mendapatkan data dan maklumat. Akhir sekali, adalah tentang kaedah analisis data bagi kajian yang dilakukan iaitu melalui ananlisi tematik dan limitasi kajian.

#### **3.1 Pendekatan Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif digunakan bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian mengenai peranan pihak berkepentingan dalam memulihara bangunan warisan Menara Lama Surau Tengker, Melaka.

### 3.1.1 Pendekatan Kualitatif

Pendekatan kualitatif digunakan dalam mentafsir tindakan sosial seseorang individu dalam memahami pengalaman mereka dalam kehidupan dengan merekod data melalui temu bual, mencatat di dalam buku harian, pemerhatian, menjalankan kaji selidik, menganalisis data visual, teks dan sejarah lisan (Zohrabi, 2013). Menurut Williams (1995), pendekatan kualitatif berupaya membuat penelitian yang mendalam bagi mengumpulkan data berasaskan persekitaran semula jadi. Oleh itu, pendekatan kualitatif didefinisikan sebagai kaedah mencari dan memberi keterangan yang melibatkan beberapa kajian seperti etnografi, sejarah, kajian kes, teori dasar dan fenomenologi (Jasmi, 2012).

Kaedah kualitatif ini juga merupakan kaedah saintifik bagi mendapatkan data dan maklumat. Kaedah ini bergantung kepada persepsi informan dengan bertanyakan persoalan yang bersifat umum dan data dikumpul dalam bentuk teks. Patton (2015) turut menjelaskan bahawa pendekatan kualitatif digunakan bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai sesuatu perkara serta memperolehi pandangan baru yang mungkin tidak boleh didapati dalam kaedah kuantitatif.

Melalui pendekatan kualitatif, pengkaji mendapatkan maklumat secara langsung daripada responden yang ditemu bual. Seterusnya, pengkaji menjalankan pemerhatian secara langsung untuk melihat tapak bangunan Menara Lama Surau Tengker, keadaan bangunan tersebut serta usaha-usaha pemuliharaan yang telah dijalankan oleh pihak-pihak berkepentingan.

### 3.2 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merujuk kepada kaedah yang digunakan dalam mendapatkan data dan maklumat. Kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah pemerhatian dan temu bual.

#### a) Pemerhatian

Kaedah pengumpulan data secara pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan bagi menjawab objektif kajian. Pemerhatian juga merupakan satu alternatif yang terdapat dalam pengumpulan data dan maklumat selain penggunaan borang soal selidik dan temu bual (Mustapa, 2008). Menurut Jasmi (2012), kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian secara terus (*Direct Observation*) dan pemerhatian melalui penglibatan (*Participant-Observation*). Kaedah pemerhatian secara terus melibatkan pemerhatian secara langsung dan tidak melibatkan interaksi bersama responden. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan pula adalah satu kaedah yang memerlukan pengkaji berkomunikasi secara langsung dengan responden kajian bagi mengetahui tentang kehidupan sebuah komuniti (Jasmi,2012).

Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji akan menggunakan kedua-dua kaedah pemerhatian agar dapat menjawab kesemua objektif dan persoalan kajian yang telah dinyatakan. Di samping itu, melalui hasil pemerhatian pengkaji dapat melihat keadaan sekeliling bangunan menara lama tersebut dan seterusnya memerhati usaha-usaha pemuliharaan yang telah dijalankan oleh pihak berkepentingan terhadap bangunan tersebut. Kamera telefon juga turut

digunakan untuk mengambil gambar semasa kerja pemerhatian di lapangan kajian.

**b) Temu bual**

Seterusnya, pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada pemberi maklumat. Menurut Merriam (2011), kaedah temu bual adalah sumber yang membolehkan pengkaji mengetahui selain memahami serta mendapatkan pengesahan mengenai kajian yang dikaji. Denzin (2001), mendefinisikan temu bual sebagai satu perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul data kajian. Temu bual yang dilakukan melibatkan individu-individu yang mempunyai kepentingan kepada kajian yang dijalankan.

Di dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan temu bual ke atas 10 orang responden yang berpengetahuan dalam pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Menara Lama Surau Tengker tidak dapat dipulihara dengan baik pada masa kini. Tambahan, pengkaji juga memperolehi maklumat tentang langkah yang relevan untuk digunakan bagi menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker untuk tujuan pelancongan pada masa akan datang.

Selain itu, di dalam temu bual pengkaji menggunakan rakaman audio ketika menjalankan sesi temu bual bersama responden. Rakaman audio ini merupakan satu bentuk yang dijadikan perantara untuk menyimpan segala maklumat yang telah disampaikan oleh responden kepada pengkaji bagi mencatat maklumat yang tepat. Rakaman audio ini juga merupakan bukti terhadap segala perbualan antara pengkaji dan juga responden. Justeru, nota lapangan juga salah satu alat

yang diguna pakai oleh pengkaji dalam menjalankan sesi temu bual. Segala maklumat yang disampaikan oleh responden akan dicatat mnerusi buku catatan sekaligus memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan sah melalui responden yang telah di temu bual.

### **3.3 Sumber Kajian**

Kaedah pengumpulan data bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian terdiri daripada dua bentuk iaitu melalui ata primer dan data sekunder.

#### **3.3.1 Data Primer**

Data yang digunakan dalam setiap penyelidikan kajian merupakan perkara yang penting. Data primer merupakan data yang diperolehi daripada individu hasil daripada temu bual yang dijalankan oleh pengkaji (Umar, 2013). Yusoff (2003) menjelaskan bahawa data primer adalah data utama yang dikumpulkan untuk menjawab persoalan kajian. Data primer juga merujuk kepada sumber data yang tidak tersedia di dalam fail mahupun laporan kerana data ini perlu dikumpulkan melalui individu, kelompok masyarakat, kumpulan berfokus atau melalui panel pakar. Pengkaji menggunakan data primer ini untuk mempamerkan data yang telah diperolehi adalah benar berdasarkan apa yang dilihat dan didengar. Oleh itu, data primer yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual dan pemerhatian.

### **3.3.2 Data Sekunder**

Menurut Marican (2005), data sekunder merupakan data yang dikumpulkan oleh pengkaji atau penyelidik yang lain. Antara contoh maklumat yang diperolehi melalui data sekunder adalah melalui kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada dokumen awam, arkib, dokumen pentadbiran dan lain-lain lagi. Dalam hal ini, kaedah analisis dokumen merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan penghuraian semula analisis kandungan daripada instrumen kajian yang digunakan seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis dan sebagainya. Data sekunder juga boleh diperolehi daripada bahan elektronik seperti filem, drama, papan iklan dan lain-lain (Long, 2008).

### **3.4 Pensampelan Kajian**

Pensampelan merupakan aspek penting dalam kajian kerana ia menentukan kesahan, kebolehpercayaan dan kualiti hasil kajian. Menurut Zahari (2019), pensampelan kajian adalah pemilihan sesebuah kumpulan seperti tempat, institusi, orang atau fenomena yang ingin dikaji oleh pengkaji. Teknik pensampelan terbahagi kepada dua jenis iaitu teknik pensampelan kebarangkalian dan teknik pensampelan bukan kebarangkalian. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian. Melalui pensampelan bukan kebarangkalian, pengkaji telah menggunakan dua teknik pensampelan kajian iaitu pensampelan bertujuan dan teknik pensampelan bebola salji.

### 3.4.1 Teknik Pensampelan Bertujuan

Teknik pensampelan bertujuan digunakan bagi mengumpulkan maklumat dari sekumpulan sampel khusus dan spesifik serta ketepatan dengan objektif kajian. Najib (1999) menjelaskan bahawa teknik persampelan bertujuan merupakan keadaan di mana pengkaji memilih seorang responden bagi mendapatkan jumlah responden lain yang mewakili populasi. Berdasarkan kajian penyelidikan yang dijalankan, pengkaji telah mengenal pasti pihak berkepentingan yang terlibat dalam proses pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Maka secara tidak langsung tujuan kajian dijalankan turut dapat memfokuskan terhadap peranan pihak berkepentingan mengikut perspektif masyarakat di Melaka melalui responden yang dipilih.

### 3.4.2 Teknik Pensampelan Bebola Salji

Dalam pada itu, teknik persampelan bebola salji juga turut digunakan dalam mencari responden seterusnya yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker. Teknik persampelan bebola salji merupakan teknik persampelan di mana *gatekeeper* akan mengenal pasti responden yang selanjutnya untuk membantu pengkaji mendapatkan data yang tepat dan sahih (Supaad, 2020). Teknik bebola salji juga merujuk kepada analogi, kerana secara dasarnya ia seumpama bola salji (subjek) yang bergolek dan akan membesar sepanjang ia bergerak dalam mengumpul lebih banyak salji (data) (Bil et.al., 2018).

### 3.4.3 Saiz Pensampelan

Saiz pensampelan perlulah ditentukan sebelum jenis pensampelan kajian ditetapkan (Shukri, 2015). Merujuk kepada maklumat umum, Kawasan sampel adalah berkait rapat dengan saiz sampel, iaitu penentuan saiz sampel akan memberi gambaran kepada kawasan sampel yang akan diaplikasikan untuk mngumpul data (Chua, 2011). Pengkaji telah memfokuskan pihak-pihak yang terlibat dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengkeru serta komuniti setempat di Tengkeru, Melaka. Jumlah responden di dalam kajian ini adalah seramai 10 orang iaitu terdiri daripada golongan remaja yang berumur 20-an, golongan dewasa yang berumur 30-an sehingga 40-an dan juga golongan warga emas yang berumur 50-70-an. Justeru data di dalam kajian ini telah mencapai tahap tepu bersesuaian dengan jumlah responden kajian iaitu seramai 10 orang.

Jadual 3.1: Responden Kajian

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

<b>Responden</b>	<b>Pekerjaan Utama</b>	<b>Anggaran Umur</b>
Responden 1	AJK Pengurusan Masjid Tengkeru	71 Tahun
Responden 2	Imam II Masjid Tengkeru	63 Tahun
Responden 3	MBMB (Bahagian Pentadbiran)	43 Tahun
Responden 4	Penolong Penerang Muzium Islam	29 Tahun
Responden 5	MPKK Kampung Lapan, Tengkeru	52 Tahun
Responden 6	Setiausaha Masjid Tengkeru	74 Tahun
Responden 7	Bendahari Masjid Tengkeru	50 Tahun
Responden 8	AJK Masjid Tengkeru	59 Tahun
Responden 9	Guru Sekolah	44 Tahun
Responden 10	Pelajar	23 Tahun



Jadual 3.1 menunjukkan hasil temu bual pengkaji bersama 10 orang responden. Temu bual bersama 10 orang responden dijalankan secara fizikal dan temu bual dalam talian. Temu bual secara fizikal atau *face to face* dijalankan di Masjid Tengker, Melaka manakala temu bual dalam talian dijalankan melalui platform *google meet*.

### 3.5 Analisis Data


Analisis data adalah mencari dan merekod maklumat secara sistematik hasil daripada soal selidik dan temu bual. Tujuannya adalah untuk memastikan pengkaji memahami secara menyeluruh berkaitan dengan kajian yang dijalankan (Rijali, 2018). Muhadjir (1998, hlm 104) pula mengemukakan takrifan analisis data sebagai,

*upaya mencari dan menata secara sistematis catatan hasil observasi, wawancara, dan lainnya untuk meningkatkan pemahaman peneliti tentang kasus yang diteliti dan menyajikannya sebagai temuan bagi orang lain. Sedangkan untuk meningkatkan pemahaman tersebut analisis perlu dilanjutkan dengan berupaya mencari makna.*

Melalui takrifan tersebut, terdapat beberapa hal yang perlu digariskan iaitu keupayaan mencari data adalah proses kajian lapangan dengan pelbagai persediaan sebelum menjalankan kerja lapangan dan yang kedua adalah menyusun hasil dapatan kajian secara sistematik di kerja lapangan serta membentangkan dapatan kajian lapangan. Proses menganalisis data juga merupakan usaha atau proses dengan menjadikan maklumat yang baru diperolehi lebih difahami dan mampu menyelesaikan persoalan berkaitan dengan tajuk penyelidikan (Prawiro, 2018).

### 3.5.1 Analisis Tematik

Analisis data yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah analisis tematik. Analisis tematik digunakan untuk menganalisis data dari temu bual dan pemerhatian. Analisis tematik menurut Braun dan Clarke (2006) adalah proses mengenalpasti corak atau tema dalam data kualitatif. Analisis tematik banyak digunakan dalam kaedah penyelidikan kualitatif. Terdapat lima susunan dalam analisis tematik. Pertama ialah penyusunan data dan kedua adalah penyusunan kod. Susunan yang ketiga pula adalah membina tema hasil daripada proses transkripsi serta di susunan keempat pula menyusun tema. Proses analisis tematik yang terakhir adalah membuat laporan hasil daripada dapatan kajian yang dibahagikan mengikut tema.



Rajah 3.1: Peringkat-peringkat dalam menganalisis data kualitatif

#### i. Transkripsi

Proses transkripsi merupakan langkah pertama untuk menjalankan analisis data. Pengkaji menyusun dan menulis segala maklumat daripada rakaman audio yang dimainkan semula agar lebih tersusun dan mudah difahami. Penggunaan rakaman audio melalui telefon pintar adalah kaedah yang paling berkesan untuk merakam setiap percakapan yang disampaikan oleh responden. Kesemua maklumat yang disampaikan oleh responden akan disimpan untuk digunakan pada hasil kajian. Kaedah ini perlulah dilakukan dengan teliti serta berhati-hati

supaya tidak berlaku sebarang kesilapan. Oleh itu, pengkaji telah menumpukan perhatian untuk mendengar setiap rakaman audio tersebut secara berulang bagi memperoleh hasil transkripsi teks yang tepat dan sah.


INTERVIEW TRANSKRIP	
A	Assalamualaikum Encik Rashid. Maaf ambil masa <u>encik sekejap untuk saya buat interview dengan encik Rashid.</u>
B	Walaikumussalam w.b.t. takpe. takde masalah. Tak payah <u>encik-encik. Panggil pakcik je nak.</u>
A	Baik <u>pakcik.</u> Saya <u>perkenalkan diri saya dulu ye pakcik.</u> Saya Nor Izzati binti Amirudin. <u>Pelajar tahun keempat dari fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan.</u> Ok <u>pakcik.</u> <u>tujuan saya untuk interview pakcik hari ini adalah untuk mengumpul data bagi projek penyelidikan saya yang bertajuk Peranan Pihak Berkepentingan Terhadap Pemuliharaan Bangunan Menara Lama Surau Tenggera.</u>
B	Ohh. Tesis le ni ye? Hah <u>apa soalan yang nak ditanya tu nak.</u>
A	Baiklah. Saya terus ke <u>soalan untuk objektif pertama ye pakcik Rashid.</u>
B	Ok boleh.
A	Ok <u>pakcik Rashid,</u> <u>boleh ke pakcik Rashid terangkan sikit latar belakang pakcik?</u>
B	Nama <u>pakcik Haji Abdul Rashid bin Budin.</u> <u>Pakcik bekas pesara guru.</u> Umur dah <u>71 tahun.</u> <u>Kemudian pakcik dilantik jadi jawatankuasa Masjid Tenggera ni daripada tahun 2011 dan kemudian berterusan lah sampai sekarang.</u> <u>Kalua time tahun 2018 sampai tahun 2020 tu diaorang dah tak lantik ahli jawatankuasa lagi dah tapi</u>

Rajah 3.2: Transkrip Temu bual

**ii. Pengkodan**

Proses kedua dalam analisis tematik adalah pengkodan. Pengkodan merupakan proses yang paling asas dan operasi yang mudah untuk mengenal pasti segmen makna dalam data yang diperolehi dalam melabelkannya dengan kod (Linneberg& Korsgaard, 2019). Rajah 3.3 menunjukkan proses menetapkan kod melalui transkripsi temu bual. pengkodan adalah proses menganalisis setiap petikan yang terdapat di dalam transkripsi teks untuk mengkod setiap data yang diperolehi. Pengkodan juga adalah langkah bagi mengenal pasti setiap tema daripada transkripsi teks yang dibaca. Selapas *coding* dilakukan, analisis data lebih mudah untuk dilakukan, Bahagian ini memerlukan ketelitian semasa membaca transkripsi teks supaya setiap *coding* yang dibuat adalah tepat.

B	Sebenarnya ada kita orang masjid ni buat kerja pemuliharaan ni lah. Tapi tu pun dah lama lah. Masa dulu-dulu <b>kita orang masjid ni rajin kena-kema</b> kat area Menara sana sebab ada jugak pelancong tu dia tanya kat kita Menara sana tu tak guna lagi ke kan. Jadi masa tu kita orang masjid buat menyuarat lah <b>ahh</b> bincang pasal nak <b>mentak</b> balik Menara lama sana tu. Bangunan tu pun kira dah lama bertapak kat situ kan. Jadi memang <b>tiap dua atau tiga tahun</b> sekali <b>kita akan kena, kita cat semula</b> untuk keat. Nampak bersih semula lah. Kerja-kerja pembersihan tu pun kita buat berterusan lah sampai kita kene <b>cat</b> kita dah tak dapat nak buat kerja-kerja pemuliharaan tu. Baru-baru ni kita orang masjid buat balik kerja-kerja pembersihan lah sebab nak <b>mentak</b> ni. Hah macam tu. Jadi menjawab kepada soalan anak tadi memang ada kita jalankan aktiviti pemuliharaan tu.
A	Oleh faham. Kiranya memang ada buat lah aktiviti pemuliharaan tu y pakcik tapi tak selalu ye?
B	Hah, ye betul. Kadang-kadang kita buat mengikut <b>keperluan Menara</b> tu saja.
A	So kiranya pakcik Rashid memang pernah terlibat lah ye dalam aktiviti pemuliharaan Menara Lama Surau Tengkeru ni?
B	Betul. Start pakcik dilantik jadi AJK masjid ni pakcik dah join aktiviti pemuliharaan yang orang-orang masjid dah rancangkan.



Rajah 3.3: Pengkodan Transkrip

### iii. Penentuan Tema

Setiap tema yang dihasilkan dalam kajian yang dijalankan merupakan salah satu langkah bagi menjawab setiap persoalan kajian. Tema merupakan corak yang menyatakan sesuatu perkara yang penting atau menarik mengenai data dan persoalan kajian (Maguire & Delahunt, 2017). Tema akan terhasil daripada data yang dikumpul berdasarkan transkripsi teks. Berdasarkan transkripsi teks tersebut, pengkaji perlulah membaca transkrip teks dengan terperinci dan memahami setiap maksud ayat tersebut supaya tema dapat dihasilkan sebanyak mungkin.

### iv. Laporan

Pengkaji telah menghasilkan laporan penyelidikan berdasarkan data-data yang telah diperolehi. Setelah tema dikenal pasti dalam kajian ini, laporan penyelidikan dapat dihasilkan. Laporan penyelidikan perlulah secara menyeluruh dan tidak tertumpu kepada huraian data dalam membuat perbincangan (Braun & Clarke, 2006). Setelah itu, pengkaji menghasilkan laporan penyelidikan yang lengkap berdasarkan penyusunan data dan tema dihasilkan.

#### v. **Triangulasi**

Triangulasi adalah langkah yang terakhir yang digunakan dalam analisis tematik. Triangulasi data merupakan gabungan sumber data, teori dan metodologi bagi mengkaji sesebuah kajian. Triangulasi juga adalah teknik yang digunakan untuk menentukan kesempurnaan data (Heale & Forbes, 2013). Triangulasi amat penting kerana setiap teknik yang digunakan adalah untuk mengumpul data (Jasmi, 2012). Pengkaji telah mengumpul maklumat daripada responden mengenai peranan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka dan telah membandingkan dengan data yang dijumpai dari kajian-kajian literatur. Kemudian, pengkaji telah mengaitkan dengan tema kajian yang telah dikeluarkan.

### **3.6 Limitasi Kajian**

Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam menjalankan kajian iaitu melalui teknik pengumpulan data secara pemerhatian dan temu bual. Sepanjang menjalankan aktiviti temu bual bersama responden, terdapat beberapa halangan yang telah dihadapi oleh pengkaji. Antara halangan tersebut adalah pengkaji kurang mendapat sokongan dan kerjasama daripada responden semasa proses pengumpulan data. Kebanyakan responden yang ditemu bual kurang memahami soalan yang diajukan oleh pengkaji kerana mereka tidak mengetahui tentang keberadaan Menara Lama Surau Tengker dan tidak pernah terlibat dalam proses pemuliharaan di menara lama tersebut. Oleh itu, pengkaji hanya berjaya menemu bual 10 orang responden dari kalangan ahli jawatankuasa masjid, pihak yang turut membantu dalam proses pemuliharaan dan serta komuniti setempat yang tinggal di kawasan berhampiran dengan menara lama tersebut.

### 3.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, metodologi kajian merupakan aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam kajian yang akan dijalankan. Metodologi kajian perlulah menggunakan langkah yang betul bagi memperolehi hasil kajian yang mempunyai nilai kesahihan yang tinggi. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggariskan kaedah yang telah digunakan dalam kajian ini iaitu peranan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Tujuan pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif adalah untuk memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci. Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini juga adalah untuk memastikan setiap persoalan dalam kajian ini dapat dicapai dengan sebaiknya.

## **BAB EMPAT**

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab Empat membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang telah diperolehi sepanjang proses pengumpulan data dilakukan ke atas responden-responden yang terlibat. Data-data yang diperolehi melibatkan proses temu bual bersama pihak berkepentingan ke atas proses pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker, Melaka.

Terdapat lima tema utama yang dikeluarkan daripada dapatan kajian ini. Tema yang pertama ialah pihak berkepentingan yang terlibat dalam proses pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Tema kedua pula adalah berkaitan dengan kerja-kerja pemuliharaan yang dijalankan terhadap Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Tema berikutnya adalah peranan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker, Melaka dan tema keempat pula adalah penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Tema yang terakhir adalah berkaitan dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam menghidupkan semula bangunan Menara Lama Surau Tengker.

#### **4.1 Pihak Berkepentingan Dalam Proses Pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka**

Aspek pengurusan terhadap sesebuah bangunan warisan perlu dititikberatkan supaya setiap daripada aspek penting yang ada pada sesebuah bangunan tersebut dapat

dipelihara dan dijaga dengan baik. Oleh hal yang demikian, pemuliharaan sesebuah bangunan warisan secara tidak langsung dapat memberikan kesan yang positif kepada warisan budaya masyarakat setempat. Namun begitu, usaha pemuliharaan sesebuah bangunan warisan hendaklah dijayakan dengan kerjasama pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam aktiviti pemuliharaan ini. Savage et al. (1991) menjelaskan bahawa pihak berkepentingan atau “*stakeholder*” merupakan individu atau kumpulan yang mempunyai kepentingan di dalam sesebuah tindakan dan keupayaan mereka untuk mempengaruhi. Carroll (1993) pula mendefinisikan pihak berkepentingan sebagai individu atau kumpulan yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh tindakan, keputusan, dasar, amalan atau matlamat bagi sesebuah organisasi.

Aktiviti pemuliharaan sesebuah bangunan warisan adalah penting. Dalam hal ini, kerja-kerja pemuliharaan hendaklah dilakukan oleh pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus, memelihara dan mengawal sesebuah bangunan warisan supaya terus berada dalam keadaan baik. Oleh itu terdapat beberapa orang responden yang telah menyatakan bahawa pihak-pihak berkepentingan yang seharusnya terlibat dalam aktiviti pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker, Melaka.

#### **4.1.1 Badan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan**

Penglibatan dari pelbagai pihak (*stakeholder*) melalui kepelbagaian peringkat adalah penting bagi memastikan kesefahaman dan pengagihan jenis-jenis penyertaan kerjasama dalam usaha memelihara bangunan warisan yang mampan. Menurut Arnstein (1969), penglibatan dan kerjasama daripada badan kerajaan mahupun badan bukan kerajaan perlulah dilaksanakan mengikut peringkat organisasi kerana kedua-dua



badan ini mampu untuk merencanakan agenda pemuliharaan bangunan warisan dengan lebih berkesan. Kerjasama di antara badan kerajaan dan badan bukan kerajaan haruslah mengikut kemampuan, kapasiti dan kesesuaian objektif kerja pemuliharaan untuk memberikan hasil dapatan yang professional (Tippett et.al., 2007).

Di dalam kajian ini, terdapat beberapa badan kerajaan dan badan bukan kerajaan yang terlibat dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Menurut Responden 1, Menara Lama Surau Tengker merupakan salah satu bangunan tinggalan ratusan tahun yang memerlukan pemuliharaan yang baik dan tersusun serta langkah yang sistematik perlu dititikberatkan oleh badan-badan kerajaan sambil dibantu oleh badan bukan kerajaan. Antara badan kerajaan yang seharusnya terlibat dalam aktiviti pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker adalah seperti Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan pelbagai badan kerajaan lain termasuklah Jabatan Warisan Negara (JWN). JWN juga merupakan badan atau organisasi yang bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti pemuliharaan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Menurut Responden 1,

*Kalau diikutkan PERZIM dan MBMB lah. Khidmat dan sokongan mereka memang kita perlukan untuk kita jalankan kerja-kerja pemuliharaan. Kalau tiada khidmat dua badan kerajaan ni kita tak dapat nak buat kerja sebab kita sendiri bukan mahir dalam bidang-bidang pemuliharaan ni. (Responden 1, Temu bual 11 Oktober 2022).*

Selain daripada itu, Responden 4 turut menjelaskan bahawa penglibatan badan kerajaan dalam aktiviti pemuliharaan Menara Lama Surau Tengkeran serta kerjasama daripada badan bukan kerajaan seperti organisasi persendirian, NGO atau Persatuan Komuniti Setempat juga perlulah dititik beratkan supaya segala aktiviti pemuliharaan dapat dijalankan dengan jayanya. Menurut Responden 4, '..... Kalau ikutkan kita perlu buat Kerjasama antara pihak kerajaan, pihak swasta dan badan-badan NGO.' (Temu bual, 22 Oktober 2022).

Responden 9 dan Responden 10 juga turut bersetuju bahawa jalinan kerjasama antara badan kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam usaha menghidupkan semula bangunan Menara Lama Surau Tengkeran dianggap penting dalam memastikan peranan kesemua pihak berkepentingan yang terlibat dapat dilihat menerusi aktiviti pemuliharaan. Menurut Responden 9, '.....Pihak kerajaan dan pihak swasta adalah pihak yang seharusnya lah join [menyertai] dalam pemuliharaan ni. (Temu bual 21 November 2022) manakala Responden 10 pula menyatakan '.....Pihak kerajaan dengan pihak swasta...' (Temu bual 21 November 2022).

#### **4.1.2 Komuniti Setempat**

Selain itu, komuniti setempat juga perlu terlibat dalam kerja-kerja pemuliharaan di bangunan Menara Lama Surau Tengkeran. Menurut Yazid (2010), proses pemuliharaan perlu melibatkan masyarakat dan komuniti, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan berhampiran dengan sesebuah kawasan, tapak dan bangunan yang bakal melalui proses pemuliharaan. Penglibatan komuniti setempat dapat memberikan kesedaran tentang perlunya proses pemuliharaan dilaksanakan ke atas bangunan warisan. Penglibatan komuniti setempat merupakan salah satu pendekatan yang

berkesan dalam usaha memulihara Menara Lama Surau Tengkeru kerana ianya dapat dapat memberikan kelebihan kepada komuniti setempat dengan meningkatkan potensi kawasan menara lama tersebut.

Menurut Responden 2, pihak yang sepatutnya melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan di Menara Lama Surau Tengkeru ini adalah komuniti setempat. Responden2 menyatakan ‘.....*Orang kampung lah. Sebab pegawai-pegawai kerajaan ni diaorang tak terlibat secara langsung. Memang sekadar orang masjid dan dibantu oleh orang kampung*’. (Temu bual, 11 Oktober 2022). Pernyataan ini juga disokong oleh Responden 3 di mana komuniti setempat perlu terlibat dalam proses pemuliharaan menara lama kerana mereka mempunyai peranan yang besar dalam menjayakan usaha-usaha pemuliharaan. Menurut Responden 3, ‘.....*Masyarakat setempat. Peranan mereka memang diperlukan lah kalau melibatkan pemuliharaan dan pemeliharaan ni*’ (Temu bual, 13 Oktober 2022).

Kepentingan penglibatan komuniti sepanjang proses membuat keputusan, pelaksanaan dan penguatkuasaan telah diakui secara meluas (Rahnema et.al., 1992). Oleh hal yang demikian, penyertaan komuniti setempat haruslah dilihat dari perspektif sejarah, sosial dan budaya kerana mereka mempunyai kepentingan dalam sesebuah warisan budaya (Liu, 2017). Oleh itu, penglibatan daripada komuniti setempat merupakan satu proses di mana masyarakat bekerjasama dengan penggerak pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengkeru dan melibatkan diri dalam usaha untuk menghidupkan semula menara lama ini yang akhirnya akan memberi kesan terhadap keadaan dan taraf hidup mereka sendiri.

### 4.1.3 Generasi Muda

Selain itu, penglibatan generasi muda dalam pemuliharaan bangunan warisan juga didapati berpotensi untuk memulihara dan memelihara warisan ketara tersebut dan dalam masa yang sama dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi setempat menerusi pelancongan warisan (Ramli et. Al., 2021). Terdapat responden yang menyatakan bahawa golongan generasi muda adalah disarankan untuk melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengkeri ini. Penglibatan generasi muda dalam kerja-kerja pemuliharaan mendatangkan faedah dan mereka bukan sahaja melibatkan diri malah dapat menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan proses-proses pemuliharaan sesebuah bangunan warisan. Golongan ini juga dikatakan akan menjadi penerus dan harapan negara dalam aktiviti pemuliharaan pada masa yang akan datang.

Menurut Responden 6, generasi muda merupakan pihak berkepentingan yang perlu terlibat dalam proses pemuliharaan kerana mereka yang akan menjadi penerus kepada kerja-kerja pemuliharaan di masa hadapan. Menurut Responden 6, '*...Kita semua terutamanya golongan muda. Sebabnya golongan muda ni yang akan jadi penyambung di masa depan*' (Temu bual 15 November 2022).

Kenyataan ini juga disongkong oleh Responden 7 dimana penglibatan generasi muda dalam pemuliharaan dianggap penting untuk memastikan Menara lama ini dapat menjalankan kerja pemuliharaan dan dapat mengekalkan identiti serta nilai sejarah di masa yang akan datang. Responden 7, menjelaskan '*...Budak-budak muda lah. Supaya diaorang ni dapat membentuk minda dari segi penghayatan warisan dengan khazanah melalui pemuliharaan Menara Lama Surau Tengkeri*' (Temu bual, 17 November 2022) malahan Responden 8 juga menyatakan bahawa '*...Biasanya anak-anak muda lah.*

*Budak muda ni nanti yang akan jadi penerus untuk masa-masa akan datang'* (temu bual, 21 November 2022)

Secara tuntasnya, generasi muda sememangnya mempunyai peranan yang besar dalam membantu menjalankan usaha-usaha pemuliharaan sesebuah bangunan warisan. Kelebihan utama yang dimiliki oleh generasi muda ini adalah kemampuan mereka menggunakan media baharu dan memikirkan idea-idea kreatif dan inovatif dalam usaha memulihara dan memelihara bangunan warisan (Sobian, 2020). Oleh hal yang demikian, generasi muda dilihat berkebolehan untuk membentuk kesedaran terhadap pelbagai isu pemuliharaan selain mengetuai usaha untuk menghidupkan semula bangunan Menara Lama Surau Tengker. Dengan itu, generasi muda kini perlulah diberi galakan dan dorongan untuk melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan yang dijalankan.

#### **4.2 Kerja-Kerja Pemuliharaan yang Dilakukan di Menara Lama Surau Tengker**

Dalam pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker ini, terdapat beberapa proses atau kerja-kerja pemuliharaan yang telah dilakukan dalam menghidupkan semula nilai warisan Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Secara dasarnya, pemuliharaan merujuk kepada satu kaedah untuk melindungi monumen warisan daripada pupus dan seterusnya menyelamatkan nilai budaya, estetika dan fungsi yang ada padanya (Foster, 2009).

##### **4.2.1 Aktiviti Pemuliharaan**

Menurut Responden 1, bangunan Menara Lama Surau Tengker telah menjalani penambahbaikan dengan membaiki kerosakan bangunan menara tanpa mengubah

bentuk asal bangunan. Responden 1 juga menceritakan bahawa bangunan menara ini hampir ingin dirobohkan akibat tidak dipulihara pada jangka waktu yang lama. Kemudian, ketika pembentukan kerajaan baharu di Melaka, bangunan menara lama ini diambil alih oleh Ahli Jawatkuasa “(AJK)” masjid sambil dipantau oleh Perbadanan Muzium Melaka dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan. Responden 1 turut menjelaskan bahawa,

*Sebenarnya ada kita orang masjid ni buat kerja pemuliharaan kat menara sana. Tapi tidaklah tiap-tiap bulan. Masa dulu-dulu sebelum PERZIM bekerjasama dengan kita orang masjid ni rajin kemas-kemas kat area Menara sana sebab ada jugak orang luar yang mari sembahyang kat masjid ni dia tanya kat kita Menara sana tu tak guna lagi ke.. Jadi masa tu kita orang masjid buat menyuarat untuk bincang pasal nak cantikkan balik Menara lama sana tu. Bangunan tu pun kira dah lama bertapak kat situ kan. Jadi memang tiap dua atau tiga tahun sekali kita akan kemas, kita cat semula untuk kasi Nampak bersih semula lah.*

(Responden 1, Temu bual 11 Oktober 2022)

Menurut Responden 2, segala kerja-kerja pembersihan dan kerosakan yang didapati pada bangunan menara tersebut akan diuruskan oleh Ahli Jawatkuasa Masjid Tengkeri sambil dipantau oleh Perbadanan Muzium Melaka. Kerja-kerja pembaikan dan pemuliharaan bergantung kepada jenis kerosakan dan keadaan kerosakan. Antara kerosakan yang terdapat pada struktur bangunan terbahagi kepada dua iaitu kerosakan kecil dan kerosakan besar. Kerosakan kecil adalah seperti warna pada dinding luntur

dan kerosakan besar adalah seperti kerosakkan pada struktur bangunan menara tersebut. Menurut Responden 2 lagi, kesemua kerja-kerja pemuliharaan yang telah dilakukan pada bangunan Menara Lama Surau Tengkeru dilakukan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Muzium Melaka. Ahli Jawatankuasa Masjid Tengkeru akan meneliti segala kerosakan yang berlaku serta mencatat kerosakan yang berlaku dan merujuk kepada pihak muzium Melaka sebelum menjalankan kerja-kerja pemuliharaan untuk menangani kerosakan tersebut. Responden 2 turut menambah,

*...baru-baru ni tak silap saya ajk masjid ni ada buat mesyuarat dan cadangkan untuk nak cat balik bangunan Menara lama sana sebab lama kita tak cat. Lumut dengar akar-akar kayu semua dah naik tinggi. Lepas tu ahli jawatankuasa yang lain pun cadangkan jugak untuk simen kawasan sekitar menara serta pagarkan keliling menara tu sebab budak-budak sini buat vandalisma. Habis dicontengnya. Di sebabkan tu tanggungjawab kita, kita pun amik cakna keadaan itu lalu kita buat kerja-kerja pemuliharaan ni. Tapi sebelum kita buat kita kene inform dulu ke PERZIM lah sebab diaorang yang akan bagi kelulusan dan dana.*

(Responden 2, Temu bual 11 Oktober 2022)

Selain itu, Responden 1 juga ada menyatakan bahawa sekitar tahun 2017 atau 2018 mahkota pada bahagian atap terjatuh dari menara dan mengalami kerosakan akibat daripada cuaca yang tidak menentu termasuklah hujan petir yang teruk pada ketika itu. Ahli Jawatankuasa masjid telah menghantar permohonan untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan terhadap kerosakan yang berlaku. Dalam hal ini, pihak muzium akan

mengenalpasti jenis dan tahap kerosakan dan akan mengemukakan cadangan kaedah pemuliharaan. Seterusnya, kerja-kerja pemuliharaan terhadap menara tersebut akan dijalankan untuk membaiki kerosakan pada yang telah direkodkan. Oleh itu, segala kerja-kerja pemuliharaan dapat dijalankan dan memastikan bangunan dapat diuruskan dan dijaga dengan baik dari semasa ke semasa. Responden 1 menyatakan bahawa,

*Masa awal tahun 2017 atau 2018 macam tu mahkota yang kat bumbung menara tu jatuh sebab kene petir. Masa tu waktu petang. Bagi kita tu kerosakan yang paling besar dan makan kos yang tinggi. Lambat kita baiki sebab keadaan hujan masa tu nak dekat seminggu. Kita bagitahu orang muzium pasal kerosakan yang dah jadi. Lepas tu orang muzium datang bincang sama kita dan luluskan mana yang perlulah. Jadi kita pun panggil kontraktor bantu kita betulkan mahkota di bumbung dan betulkan mana yang rosak dan cat semula.*

(Responden 1, Temu bual 11 Oktober 2022)

#### **4.2.2 Tempoh Pemuliharaan**

Berdasarkan data yang telah diperolehi daripada hasil temu bual pengkaji bersama Responden 1, menyatakan bahawa tempoh untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan adalah tidak menentu. Jangkaan waktu pemuliharaan bergantung kepada keadaan menara dan tahap kerosakan yang terjadi pada struktur bahagian menara. Menurut Responden 1,



*kalau ikutkan masa yang kita amik untuk jalankan kerja-kerja pemuliharaan ni bergantung kepada proses tu. Satu lagi kita tengok keadaan. Kalau yang macam pakcik cakap pasal mahkota yang kat bumbung tu jatuh tu akan makan masa seminggu dua untuk kita siap betulkan. Kalau kita cuma nak kemas, buang akar-akar pokok, lumut dengan cat balik haa tu makan masa satu dua hari je. Jadi dalam satu tahun kita buat dalam empat ke lima kali saja lah kerja-kerja pembersihan ni. Nak bagi bangunan tu nampak hidup dan cantik lah.*

(Responden 1, Temu bual 11 Oktober 2022).

#### **4.2.3 Tujuan Pemuliharaan**

Melaka terkenal dengan kepelbagaian sumber asli dan warisan ketara, dan waisan ini termasuklah binaan bangunan lama dengan ciri-ciri warisan seni bina yang masih wujud sehingga kini (Johar et.al., 2020). Antara bangunan lama tersebut termasuklah bangunan Menara Lama Surau Tengkerah yang mana pembinaanya adalah cerminan kepada kearifan masyarakat terdahulu dalam membina tempat untuk melaungkan azan. Bangunan Menara Lama Surau Tengkerah ini telah berusia ratusan tahun dan uzur mengikut zaman, namun ianya mempunyai nilai dan keistimewaan yang tersendiri.

Kerja-kerja pemuliharaan yang telah dijalankan di bangunan Menara Lama Surau Tengkerah bukan sahaja bertujuan untuk membaik pulih kerosakan yang berlaku tetapi juga mempunyai tujuan lain yang dapat menghidupkan semula menara lama tersebut. Menurut Responden 1 lagi kerja-kerja pembersihan dijalankan untuk melaksanakan program-program kerohanian atau segala aktiviti yang bermanfaat yang boleh dijalankan. Beliau juga ada menyatakan, ‘....Baru-baru ni kita orang masjid buat balik

*kerja-kerja pembersihan lah sebab nk maulidur rasul ni'* (Temu bual, 11 Oktober 2022)

#### **4.2.4 Kekangan Pemuliharaan**

Terdapat pelbagai kekangan dalam usaha menjalankan kerja-kerja pemuliharaan di bangunan Menara Lama Surau Tengker. Antara kekangan dalam kerja-kerja pemuliharaan ke atas bangunan menara lama ini adalah disebabkan proses kerja yang sangat perlahan. Selain itu, kebanyakan faktor kerosakan pada bangunan menara ini juga disebabkan oleh faktor buatan manusia, haiwan ataupun alam sekitar. Menurut Responden 1, terdapat beberapa kekangan dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan salah satunya adalah penularan wabak Covid-19. Responden 1 turut menyatakan, *'..Kita stop jalankan kerja-kerja pemuliharaan ni masa negara kita kene Covid-19. Masa tu kerja-kerja pemuliharaan semua kita hentikan.'* (Temu bual, 11 Oktober 2022).

#### **4.3 Peranan Pihak Berkepentingan Dalam Pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker**

Terdapat beberapa peranan yang telah dilaksanakan oleh pihak berkepentingan dalam memastikan kerja-kerja pemuliharaan pada bangunan menara tersebut berjalan dengan lancar selain mengelakan bangunan Menara Lama Surau Tengker ini musnah dan pupus begitu sahaja. Bahagian ini menerangkan mengenai peranan pihak kerajaan, peranan Ahli Jawatkuasa Masjid, serta peranan komuniti setempat dalam pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker.

Teori pengurusan birokrasi digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui peranan-peranan yang telah dimainkan oleh pihak berkepentingan dalam menghidupkan semula bangunan Menara Lama Surau Tengker. Teori ini telah menekankan mengenai peranan sesebuah organisasi, pengurusan hirarki, penentuan sesuatu bahagian dalam unit pekerjaan, membuat prosedur mengenai operasi standard serta menjalankan tugas dan tanggungjawab. Oleh itu, kajian kes mengenai pihak berkepentingan yang bertanggungjawab terhadap pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker ini menggunakan teori pengurusan birokrasi bagi mengkaji peranan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker dan usaha-usaha yang dilakukan untuk menghidupkan semula menara lama ini.

#### **4.3.1 Peranan Badan Kerajaan**

Dalam memastikan bangunan Menara Lama Surau Tengker sentiasa dipulihara dengan baik dan sistematik, badan kerajaan dan swasta amatlah diperlukan. Kedua-dua badan ini mempunyai peranan yang penting dalam mengurus, memberi khidmat nasihat menyediakan pelan penyenggaraan dan memberikan kelulusan untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan di bangunan Menara Lama Surau Tengker. Responden 3 yang merupakan salah seorang kakitangan di badan kerajaan bersetuju bahawa badan kerajaan dan swasta memainkan peranan penting terutamanya dalam segala kerja-kerja pemuliharaan yang hendak dijalankan. Menurut Responden 3,

*Betul. Sebelum pihak masjid hendak menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan membaik pulih kerosakan yang terjadi keatas bangunan menara, mereka hendaklah memberitahu pihak Perbadanan Muzium Melaka kerana menara ini terletak di bawah pemantau mereka. Oleh itu, pihak jawatankuasa masjid akan mendapatkan khidmat nasihat daripada badan kerajaan ini sebelum melaksanakan kerja pemuliharaan. Badan kerajaan ini juga berperanan dalam penyediaan kos penyelenggaraan bangunan.*

(Responden 3, Temu bual 13 Oktober 2022)

Selain itu, Responden 4 juga menyatakan pendapat yang sama di mana peranan daripada pihak kerajaan bukan saja dari segi pengurusan dan penyumbang dana tetapi pihak kerajaan juga berperanan dalam menyediakan pelan penyelenggaraan untuk memastikan bangunan Menara Lama Surau Tengkeru dapat diuruskan dan dijaga dengan baik dari semasa ke semasa supaya memudahkan perancangan untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan secara berkala. Menurut Responden 4,

*Sekiranya bangunan Menara Lama Surau Tengkeru mempunyai kerosakan yang banyak dan perlu menjalankan kerja pemuliharaan, pihak muzium akan mengambil maklum tentang keadaan itu dan memberi khidmat nasihat. Dalam proses tersebut, pihak muzium akan mengambil maklum tentang tahap kerosakan bangunan dan akan mengemukakan cadangan mengenai kaedah pemuliharaan. Jadinya kerja-kerja pemuliharaan bangunan menara akan dijalankan untuk membaik pulih kerosakan yang telah direkodkan.*

(Responden 4, Temu bual, 22 Oktober 2022)

Berdasarkan data yang telah diperolehi daripada Responden 3 dan Responden 4 tersebut, jelaslah bahawa badan kerjaan telah memainkan peranan yang besar dalam merealisasikan kerja-kerja pemuliharaan di bangunan Menara Lama Surau Tengker.

#### **4.3.2 Peranan Ahli Jawatankuasa Masjid**

Peranan Ahli Jawatankuasa Masjid adalah sebagai penjaga kepada bangunan Menara Lama Surau Tengker. Menurut Responden 1, pengurusan pemuliharaan bangunan menara adalah dikelola oleh pihak masjid dan dipantau oleh Perbadanan Muzium Melaka. Peranan utama mereka adalah menyediakan dokumen tender untuk mendapatkan kelulusan dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan. Menurut Responden 1 juga, pihak jawatankuasa menerima segala kelulusan dan keputusan kerja pemuliharaan dari Perbadanan Muzium Melaka. Sekiranya berlaku sedikit kerosakan pada bangunan, kerja-kerja pemuliharaan hanya akan diuruskan oleh pihak masjid sendiri dan sekiranya kerosakan tersebut besar, maka kerja pemuliharaan akan diuruskan oleh pihak muzium iaitu dengan mengupah tukang dari luar sahaja. Responden 1 menyatakan,

*Peranan pakcik biasanya pakcik akan bagi tahu pihak muzium lah kalau kita perlukan dana untuk jalankan kerja-kerja baik pulih lah. Dana yang kita dapat tu kita akan bayar kepada tukang-tukang yang kita upah lah. Selain tu, pakcik juga berperanan dalam menyebarkan maklumat berkaitan dengan program yang kita nk buat ni lah. Sekarang pakcik guna whatsapp lah. Pakcik bagitahu dalam group whatsapp pasal program atau apa yang orang masjid nk buat. Tu jelah peranan pakcik.*

(Responden 1, Temu bual, 11 Oktober 2022)

Selain itu, Responden 2 pula menjelaskan peranan ahli jawatakuasa masjid juga adalah sebagai seorang penyampai maklumat berkenaan dengan aktiviti pemuliharaan kepada penduduk setempat. Menurut Responden 2,

*Ok baik. Peranan saya takde lah terlalu besar sangat. Saya membantu dari segi menyebarkan maklumat kepada orang kampung sini sekiranya kita ada nak buat aktiviti kemas-kemas area menara tu lah. Saya juga membantu dalam menjaga kebersihan kawasan dan bangunan menara lama tu.*

(Responden 2, Temu bual 11 Oktober 2022)

#### **4.3.3 Peranan Komuniti Setempat**

Menurut Yazid (2010), kerja-kerja pemuliharaan memerlukan penglibatan dan peranan daripada masyarakat dan komuniti setempat. Peranan penting golongan komuniti setempat juga dilihat dalam kerja-kerja pemuliharaan ini. Hasil temu bual bersama dengan beberapa orang responden, mereka telah merungkaikan peranan yang boleh dilakukan oleh komuniti setempat dalam menjayakan kerja-kerja pemuliharaan di Menara Lama Surau Tengker. Responden 5 menjelaskan bahawa peranan komuniti adalah sebagai individu yang membantu menjaga kebersihan di kawasan sekitar menara lama tersebut. Selain itu, komuniti setempat juga digalakkan untuk mempromosikan keunikan bangunan Menara Lama Surau Tengker kepada seluruh masyarakat luar. Menurut Responden 5 lagi,

*Sebagai salah seorang komuniti yang duduk di kawasan berhampiran, saya akan memainkan peranan dari segi membantu menjaga kebersihan dan memastikan kawasan tersebut tidak dirosakkan. Selain itu, masyarakat juga boleh mempromosikan bangunan menara tersebut sebagai salah satu khazanah sejarah kepada orang luar yang tidak tahu tentang kewujudan menara dan datang ke situ.*

(Responden 5, Temu bual 15 November 2022)

Selain itu, Responden 8 juga bersetuju dengan pernyataan di mana peranan komuniti boleh dilihat dari segi mempromosikan bangunan Menara Lama Surau Tengker. Responden 8 turut menjelaskan bahawa, ‘...*Mungkin jika komuniti setempat ini diberikan peranan dan salah satunya adalah dengan membantu mempromosikan bangunan Menara Lama Surau Tengker tersebut. Mereka juga boleh membantu dalam segi penjagaan struktur kawasan menara melalui kebersihan kawasan dan bangunan*’ (Temu bual 21 November 2022).

Sehubungan itu, peranan komuniti setempat dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker bukan sekadar mempromosikan bangunan malahan turut menyumbangkan tenaga kerja dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta ianya merupakan sebuah tanggungjawab komuniti setempat kerana golongan ini yang akan meneruskan aktiviti pemuliharaan untuk generasi yang akan datang. Menurut Responden 9,

*Peranan dalam komuniti setempat sangatlah diperlukan. Terutamanya dari kawasan yang berhampiran dengan menara itu sendiri. Sebab kita memerlukan tenaga kerja komuniti untuk membantu kerja-kerja pemuliharaan. Macam saya sebagai seorang komuniti saya juga akan memainkan peranan dalam membantu sebarang aktiviti-aktiviti yang hendak dilakukan serta menyumbangkan tenaga kerja untuk mereka kerana itu merupakan tanggungjawab sebenarnya saya sebagai komuniti setemoat. Saya juga perlulah peka dan cakna dengan keadaan menara itu sedangkan ia juga memberi manfaat kepada saya.*

(Responden 9, Temu bual 21 November 2022)

Berdasarkan penjelasan di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa, peranan komuniti setempat bukan sahaja boleh dilakukan menggunakan tenaga fizikal bahkan dengan memberi sumbangan juga adalah salah satu cara terbaik untuk memastikan kelangsungan warisan tersebut. Malahan, responden berpendapat bahawa Menara Lama Surau Tengkerah seharusnya diperkenalkan dan dipromosikan supaya masyarakat luar lebih tahu tentang keberadaan menara itu di Melaka.

#### **4.4 Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Pemuliharaan Bangunan Menara Lama Surau Tengkerah.**

Penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pemuliharaan merupakan satu elemen yang paling penting kerana golongan ini berperanan dalam memastikan kejayaan serta kelestarian sesebuah proses pembangunan warisan. Menurut Tosun (2005, hlm. 67) mendefinisikan penglibatan komuniti sebagai "...satu bentuk tindakan sukarela di mana seseorang individu mengambil peluang dan memikul tanggungjawab masyarakat".



Hasil temu bual mendapati hampir kesemua responden memahami pernyataan ini iaitu komuniti setempat perlu terlibat dalam aktiviti pemuliharaan di bangunan menara lama ini. Menurut Responden 1, penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker dapat menyumbangkan tenaga kerja selain dapat melindungi kepentingan warisan di menara tersebut kerana ianya merupakan sejarah akar umbi yang melangkaui beberapa generasi walaupun terdapatnya perubahan dalam masyarakat. Oleh hal yang demikian, proses-proses pemuliharaan yang telah dirancang dan dijalankan akan dapat memberikan kelebihan dan kepentingan kepada komuniti setempat. Responden 1 menyatakan bahawa:

*Ye. Orang kampung memang perlu terlibat. Diaorang [Mereka] tak [tidak] boleh nak harapkan kita orang masjid ni atau orang muzium saja. Tenaga kerja orang kampung pun memang sangat kita perlukan. Sebabnya katakan lah memang kita nak bukak surau kecik kat sebelah Menara tu dah tentunya surau tu untuk kegunaan orang kampung jugak. Betul tak? Jadinya orang kampung memang digalakkan untuk terlibat.*

(Responden 1, temu bual, 11 Oktober, 2022).

Selain itu, Responden 5 juga turut menyatakan bahawa penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pemuliharaan perlu dipandang serius kerana golongan ini akan menjadi penerus kepada proses pemuliharaan dan dapat menyumbang kepada tenaga kerja tanpa bergantung harap kepada badan-badan kerajaan mahupun swasta. Responden 5 menyatakan,

*...masyarakat ni kalau diikutkan diaorang yang sepatutnya ada dalam aktiviti pemuliharaan ni. Sebab apa kalau diaorang tak terlibat bermula dari sekarang nanti pada masa akan datang bila kita kekurangan kakitangan kita perlu bergantung harap pada masyarakat ini.*

(Informan 5, temu bual, 15 November, 2022)

Responden 2 pula menjelaskan bahawa penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pemuliharaan di Menara Lama Surau Tengker pada masa kini sangat lemah dan mereka tidak prihatin dengan keadaan semasa menara tersebut. Hal ini kerana, kefahaman komuniti setempat hanyalah sekadar memahami tetapi tidak mendalami pengetahuan berkenaan dengan bangunan menara tersebut sedangkan mereka tinggal dalam atau berhampiran dengan kawasan Menara Lama Surau Tengker. Pemahaman komprehensif terhadap persekitaran warisan dalam kalangan komuniti setempat akan mendorong ahli komuniti untuk lebih menghargai produk warisan yang terdapat di persekitaran mereka (Plested et.al., 2006). Oleh itu, penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pemuliharaan dapat memberikan kesedaran berkaitan dengan kepentingan memulihara sesebuah bangunan warisan supaya tidak lenyap ditelan zaman. Menurut Responden 2,

*Memang perlu masyarakat setempat terlibat dalam proses pemuliharaan ni. Sebabnya masyarakat ini sepatutnya lebih tahu dan prihatin lah. Palsalnya [kerana] diaorang [mereka] duduk di kawasan berdekatan dengan menara itu. Haaa gitu. Contoh lah ehh, menara lama surau tersebut ada kat belakang rumah mereka, tetapi kenapa menara itu tidak diangkat menjadi salah satu bangunan warisan. Sebab apa tak amik tahu. Haa tu palsalnya diaorang tak*

*fahami dan dalami pasal sejarah menara lama tu. Kisahnya sekarang menara lama tersebut hanya diuruskan oleh orang masjid sambil dibantu oleh orang muzium Melaka. So [Jadi] kita perlu bagitahu [memberitahu] kepada umum lah biar masyarakat akan lebih peka terhadap menara lama surau tengkera ini.*

(Responden 2, temu bual, 11 Oktober, 2022).

Selain itu, penglibatan komuniti juga dilihat sebagai satu pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up approach*) dalam sesuatu usaha pemuliharaan warisan (Esther, 2011). Penglibatan komuniti setempat dalam kerja-kerja pemuliharaan mendatangkan kebaikan kepada mereka selain penglibatan dalam aktiviti pemuliharaan juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai bangunan Menara Lama Surau Tengkera khususnya kepada generasi muda. Oleh hal yang demikian, seramai dua orang responden menyatakan bahawa dengan wujudnya penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pemuliharaan ini akan melahirkan sebuah masyarakat yang peka dan prihatin terhadap keadaan sekeliling bangunan Menara Lama Surau Tengkera. Responden 3 menyatakan,

*Pada masa kini, komuniti ke atau generasi muda memang wajib terlibat dalam sesebuah aktiviti pemuliharaan. Mereka tak boleh nak harapkan orang-orang kerajaan atau badan swasta sekalipun. Sebab bangunan lama ni merupakan sebuah warisan yang akan dibawa kepada generasi-generasi akan datang. Kalau mereka sendiri terlibat secara langsung, maka mereka akan lebih menghargai bangunan menara tersebut*

(Responden 3, temu bual, 13 Oktober, 2022).

Perkara ini turut disokong oleh Responden 4 di mana, '*...Komuniti perlu terlibat dalam aktiviti pemuliharaan untuk kesinambungan budaya biar generasi akan datang tahu asal usul sejarah serta keunikkan yang ada pada menara ini.*' (Temu bual, 22 Oktober,2022).

#### **4.5 Usaha-Usaha Pemuliharaan untuk Menghidupkan Semula Menara Lama Surau Tengker, Melaka.**

Usaha untuk menghidupkan semula elemen warisan pada bangunan Menara Lama Surau Tengker, Melaka perlulah mendapatkan sokongan yang baik dari pelbagai pihak terutamanya sokongan daripada pihak berkuasa tempatan. Bangunan Menara Lama Surau Tengker, Melaka dilihat sebagai salah satu aset warisan yang penting kerana mempunyai nilai seni bina yang tersendiri serta merupakan khazanah yang bernilai. Oleh hal itu, terdapat pelbagai usaha dan tindakan yang boleh dilaksanakan untuk menghidupkan semula bangunan menara lama ini daripada mengalami kemusanahan.

##### **4.5.1 Penggunaan Media Massa**

Pada masa kini, peranan media massa sangat penting sebagai salah satu medium perantaraan dalam menyebarkan maklumat serta memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat. Menurut Responden 4 dan Responden 10, penggunaan media massa dianggap mempunyai pengaruh yang besar terhadap seseorang individu dan institusi masyarakat. Dalam hal ini, kedua-dua informan yakin bahawa segala informasi yang disampaikan melalui media massa bukan sahaja dapat memberikan maklumat kepada masyarakat umum malahan dapat mempengaruhi mereka dalam menyuarakan pendapat. Responden 4 menjelaskan bahawa:

*Kita boleh guna platform media sosial. Zaman sekarang ni memang semua orang bergantung dengan penggunaan media sosial. Even nak bagitahu orang yang kita nak buat majlis pun kita dah guna Whatsapp dan tak payah nak edarkan kad atau browsure. Inikan pulak kita nak ajak semua masyarakat join untuk jalankan aktiviti pemuliharaan jadi cara paling senang kita pakai adalah melalui media massa. Bila kita guna cara ni semua orang akan amik maklum berkenaan dengan mesej tersebut dan akan melibatkan diri dalam aktiviti pemuliharaan kat menara tu. Dari situ bila masyarakat mula libatkan diri dalam pemuliharaan kat situ maka masyarakat akan mula kenal dengan menara itu.*

(Responden 4, temu bual, 22 Oktober 2022)

Manakala Responden 10 pula menyatakan bahawa penggunaan media massa dapat mempercepatkan usaha untuk memulihara bangunan Menara Lama Surau Tengker. Hal ini kerana, setiap maklumat yang ingin disampaikan dan dipaparkan di media-media massa akan membawa impak yang besar kepada masyarakat untuk mengemukakan cadangan, bantuan mahupun idea untuk melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan selain mudah tersebar dengan cepat. Secara tidak langsung, usaha-usaha untuk menghidupkan semula menara lama tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan. Menurut Responden 10,

*Penggunaan media sosial bagi saya merupakan satu cara yang boleh kita amik untuk menyebarkan maklumat tentang Menara Lama Surau Tengker ni dekat orang ramai. Cara ni lebih cepat lah untuk maklumat tersebar. Kalau dulu masa takde teknologi kita kene buat surat dan agih-agihkan kat setiap orang tapi sekarang dah ada media sosial kita gunakan saja. So dengan media sosial isu-isu yang nak kita ketengahkan berkenaan dengan menara lama dapat diketahui oleh semua masyarakat dan masyarakat yang prihatin dengan keadaan menara secara tak langsung akan melibatkan diri dalam usaha pemuliharaan kat menara lama tersebut.*

(Responden 10, temu bual 21 November 2022)

Berdasarkan kenyataan yang telah diberikan oleh responden semasa menjalankan temu bual, menyatakan bahawa peranan media massa pada masa kini dilihat begitu penting dalam usaha-usaha untuk menghidupkan semula bangunan Menara Lama Surau Tengker. Media massa juga boleh menjadi platform perantaraan dalam menyampaikan sesuatu maklumat serta memberi kesedaran kepada masyarakat. Pengkaji juga yakin bahawa mesej komunikasi yang telah disampaikan melalui media massa bukan sahaja sekadar memberikan maklumat kepada orang ramai tetapi dapat mengubah pendapat dan persepsi masyarakat setempat

#### **4.5.2 Perhubungan Erat Dengan Agensi Kerajaan dan Swasta**

Selain itu, antara usaha yang boleh dilakukan bagi menghidupkan semula bangunan Menara Lama Surau Tengker adalah dengan menjalinkan perhubungan yang erat dengan agensi kerajaan mahupun swasta. Kedua-dua agensi tersebut mempunyai

peranan yang besar dan konstruktif dalam menjayakan usaha-usaha pemuliharaan terhadap bangunan Menara Lama Surau Tengker. Responden 1 ada menjelaskan bahawa agensi kerajaan khususnya Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Majlis Bandaraya Melaka dan lain-lain agensi peringkat negeri merupakan kumpulan yang bertanggungjawab dan berkepentingan dalam membantu melaksanakan usaha-usaha pemuliharaan selain menghidupkan semula bangunan menara lama tersebut. Manakala bagi agensi swasta pula seperti NGO atau persatuan persendirian dapat membantu menyediakan ruang, aktiviti dan produk walaupun ia lebih tertumpu kepada keuntungan. Menurut Responden 1:

*Kalau dari segi usaha untuk kita hidupkan balik menara ni kita perlukan bantuan dan sokongan lah dari orang kerajaan dengan NGO lain. Kita ahli jawatankuasa masjid pun kadang-kadang tak cukup dana atau pengetahuan dalam kerja-kerja pemuliharaan ni. Sama macam sekarang bantuan dari PERZIM pun kita galakkan sebab apa-apa yang kita nak buat kat menara tu kita kene tanya pihak PERZIM dulu walaupun kita orang masjid yang uruskan keadaan menara sana. Selain tu, kita juga agensi swasta dengan kerajaan ni diaorang bagi dana atau peruntukan kat kita sebagai langkah dalam usaha pemuliharaan menara.*

(Responden 1, temu bual, 11 Oktober 2022)

Responden 5 juga turut memberikan penjelasan mengenai kerjasama yang erat antara agensi kerajaan serta agensi swasta harus berganding bahu dalam mengatasi isu

berkaitan dengan pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker. Hasil temu bual bersama Responden 5, beliau menyatakan,

*Masa tahun 2019 sebelum covid haritu, kita ada dapat peruntukan daripada PERZIM sebanyak 5 Ribu Ringgit. Kita apply permohonan kat PERZIM atas permintaan AJK masjid untuk tujuan jalankan kerja-kerja pembersihan dan baiki mana yang rosak kat menara tu. Time tu ada berlaku vandalism dan satu lagi keadaan bangunan menara tu yang dah naik lumut tak sedap kita nak tengok padahal menara tu boleh dikatakan ada nilai sejarah kan. Kita pun pada masa tu tak cukup dana untuk pagarkan kawasan keliling, nak cat semula, bayar gaji tukang lagi. So dari keadaan tersebut kita memang perlukan sokongan dan jalinan yang erat bersama agensi-agensi untuk melindungi dan mengekalkan bangunan Menara Lama Surau tu.*

(Responden 5, temu bual, 15 November 2022)

Seterusnya, penganjuran kempen dan program-program kerohanian di sekitar kawasan Menara Lama Surau Tengker turut dilaksanakan sebagai salah satu usaha dalam memperkenalkan bangunan menara tersebut yang penuh dengan seni bina yang tersendiri serta nilai sejarahnya. Hal ini penting bagi memberi pendedahan tentang kewujudan Menara Lama Surau Tengker agar tidak dilupakan oleh masyarakat terutamanya golongan generasi muda.



Kenyataan ini disokong oleh Responden 3, 6 dan 8 dimana Responden 3 menyatakan '*...Buat program atau kempen area menara tu*' (Temu bual, 13 Oktober 2022). Selain itu Informan 6 pula menjelaskan '*...Banyak sebenarnya yang boleh kita buat. Tapi saya bagi yang paling basic kita buat program lah. Contohnya program kerohanian*' (Temu bual 15 November 2022) manakala Responden 8 pula menyatakan '*...Banyak juga program yang kita boleh buat terutamanya program-program keagamaan dan kerohanian*' (Temu bual, 21 November 2022)

Dengan adanya platform media massa, kerjasama antara agensi kerajaan dan swasta bersama pihak penjaga Menara Lama Surau Tengker, usaha pemuliharaan dan penjagaannya dapat dilaksanakan dengan lebih proaktif. Dalam hal ini juga peranan masyarakat setempat yang tinggal di kawasan berhampiran juga amatlah diharapkan dalam melibatkan diri serta mengambil tindakan yang serius ke atas sebarang bentuk gejala pencerobahan dan kemusnahan yang dilakukan tanpa kebenaran daripada pihak berkepentingan dan penjaga.

#### **4.6 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab ini telah menerangkan mengenai analisis kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah pemerhatian, temu bual, analisis data berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti pihak berkepentingan dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, mengkaji peranan pihak berkepentingan dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker dan menganalisis usaha-usaha pihak berkepentingan dalam menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker. Dapatan kajian yang diperolehi telah dihuraikan

secara terperinci dalam bab ini berdasarkan kaedah kajian yang telah digunakan bagi mengumpul data mengenai tajuk kajian ini. Perbincangan dan analisis yang telah dihuraikan dalam bab ini telah memberi penjelasan secara mendalam dan terperinci mengenai tajuk dan objektif kajian.



## **BAB LIMA**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab lima ini membincangkan mengenai keseluruhan bab kajian berkaitan dengan peranan pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan Menara Lama Surau Tengekera, Melaka. Bab lima terbahagi kepada tiga bahagian iaitu rumusan kajian, dapatan utama dan cadangan kajian akan datang.

#### **5.1 Rumusan Kajian**

Bab satu membincangkan mengenai pengenalan kajian yang merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan kesimpulan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, terdapat banyak bangunan atau monument lama yang berusia ratusan tahun tidak diselenggarakan dengan baik dan diabaikan tanpa dihargai dan salah satu contoh bangunan tersebut adalah Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Lantaran itu, kajian ini dilihat penting bagi mengetahui usaha-usaha pemuliharaan yang dijalankan untuk menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker bagi memastikan masyarakat luar dapat mengetahui tentang keberadaan dan kewujudan menara lama ini di Melaka dan dapat dikongsikan bersama generasi baru yang akan datang.

Pengkaji mendapati bahawa di dalam negeri Melaka iaitu di Kawasan Kampung Tengker dimana sebahagian penduduknya pernah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pemuliharaan yang telah dijalankan. Dalam bab satu ini juga, turut dinyatakan berkaitan dengan persoalan kajian dan objektif kajian. Dengan adanya susunan topik,

secara langsung ianya dapat membantu bagi mencari maklumat berkaitan tajuk penyelidikan. Kajian ini juga mempunyai kepentingan untuk menjadi bahan rujukan kepada individu, masyarakat dan juga institusi Pendidikan. Secara keseluruhannya, bab satu merupakan topik yang umum atau kerangka awal bagi memulakan kajian ini.

Bab dua pula menghuraikan mengenai sorotan kajian lepas oleh pengkaji terdahulu dan penggunaan aplikasi teori dalam menyiapkan kajian ini. Terdapat beberapa buah artikel atau jurnal oleh pengkaji terdahulu telah dirujuk bagi mencari definisi atau justifikasi berkaitan dengan warisan budaya. Selain itu, terdapat juga artikel berkaitan dengan konsep bangunan masjid dan menara masjid terawal dibina di dunia. Oleh itu, sesebuah kajian perlu mempunyai bahan rujukan pengkaji terdahulu bagi mengukuhkan maklumat kajian dengan bangunan Menara Lama Surau Tengkeru.

Di samping itu, aplikasi teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengurusan Birokrasi oleh Max Weber (1864-1920). Teori Pengurusan Birokrasi ini menerangkan tentang peranan sesebuah organisasi pengurusan hirarki, penentuan sesuatu bahagian atau unit pekerjaan, membuat prosedur operasi standard serta menjalankan tugas dan tanggungjawab. Dalam teori ini turut menyatakan bahawa sesuatu birokrasi yang ideal hanya terwujud dimana individu memberi dan menerima arahan sebagai satu peraturan dalam system yang rasional. Teori Pengurusan Birokrasi ini mempunyai kaitan dengan pihak berkepentingan yang sepatutnya bertanggungjawab dalam memulihara bangunan Menara Lama Surau Tengkeru ini. Pihak berkepentingan yang terlibat dengan aktiviti pemuliharaan ini seharusnya lebih prihatin terhadap keadaan bangunan menara lama tersebut supaya ianya dapat dikekalkan sehingga masa akan datang.

Dalam bab yang ketiga jelas membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam projek penyelidikan ini. Topik yang terdapat dalam bab tiga merangkumi bahagian pengenalan, pendekatan kajian, kaedah kajian, kaedah pengumpulan data, instrument kajian, persampelan kajian, kaedah analisis data dan terakhir sekali adalah kesimpulan. Disingkapkan, dalam bab ini menceritakan berkaitan dengan pendekatan kajian yang digunakan iaitu pendekatan kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan pula adalah pemerhatian secara terus dan temubual secara mendalam. Ianya bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan secara terperinci daripada responden.

Seterusnya, adalah kaedah pengumpulan data iaitu melalui data pimer dan data sekunder. Data primer merupakan data yang diperolehi pengkaji melalui kaedah temubual dengan beberapa orang ahli jawatankuasa Masjid Tengkeru dan komuniti setempat. Manakala data sekunder pula adalah dari bahan rujukan yang diperolehi melalui carian jurnal, artikel ataupun rujukan lain di dalam Internet. Instrumen kajian yang telah digunakan adalah seperti alat perakam suara, kamera dan juga buku catatan. Alat perakam suara dari telefon pintar merupakan peranti paling utama digunakan bagi merekod segala perbualan. Setiap perbualan yang telah direkodkan akan ditaip semula bagi memudahkan urusan pengasingan data. Persampelan data yang digunakan adalah teknik persampelan bebola salji. Secara tuntasnya, data yang diperolehi menggunakan kaedah kualitatif sahaja bagi mengetahui pihak berkepentingan yang terlibat dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengkeru, Melaka ini.

Bab yang berikutnya adalah bab empat yang membincangkan tentang dapatan kajian dan perbincangan. Data untuk dapatan kajian ini diperolehi melalui kaedah temubual. Sebanyak sepuluh orang responden telah ditemubual bagi mendapatkan maklumat tentang pihak berkepentingan yang seharusnya terlibat dalam proses

pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengker. Data temubual yang diperolehi ini ditranskripkan semula bagi memudahkan kerja-kerja pengasingan data mengikut tema. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat usaha pemuliharaan yang dijalankan walaupun tidak kerap.

## **5.2 Dapatan Utama**

Dapatan kajian utama yang diperoleh daripada kajian ini ialah peranan yang dimainkan oleh pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan Menara Lama Surau Tengker, Melaka dilihat masih relevan kerana ia masih dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas menara lama tersebut. Pengurangan penglibatan komuniti setempat serta golongan muda dalam proses pemuliharaan pada masa kini amat membimbangkan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kurangnya pendedahan dan pemahaman mengenai kepentingan memelihara dan memulihara bangunan warisan seperti Menara Lama Surau Tengker ini. Namun begitu, mekanisme yang relevan dalam menghidupkan semula Menara Lama Surau Tengker telah dibincangkan di dalam kajian ini.

Justeru itu, setiap peranan yang dimainkan oleh semua pihak perlulah dikembangkan sehingga di peringkat akar umbi supaya Menara Lama Surau Tengker dapat dipelihara dan dipulihara dan tidak diancam kerosakan dan kepupusan. Komuniti setempat dan golongan muda juga perlulah mempunyai pemikiran untuk pemuliharaan menara lama ini supaya dijadikan sebagai salah satu kawasan tarikan pelancongan. Menara Lama Surau Tengker perlulah dikekalkan identitinya supaya menara lama tidak mengalami kepupusan dan boleh diwariskan untuk generasi yang akan datang.

Secara kesimpulannya, kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya pihak pengurusan masjid, badan kerajaan dan badan bukan kerajaan, komuniti setempat serta

golongan muda perlulah dilihat dalam memainkan peranan yang penting bagi mewujudkan kesedaran semua pihak terhadap kepentingan memelihara bangunan-bangunan warisan terutamanya Menara Lama Surau Tengkeri yang telah menjangkau ratusan umur dan berpotensi untuk mengalami kepupusan. Tanggungjawab pihak berkepentingan bukan sahaja perlu untuk mengekalkan bangunan menara lama ini tetapi juga untuk mengiktiraf Menara Lama Surau Tengkeri ini sebagai salah satu khazanah warisan di Melaka. Oleh itu, peranan pihak berkepentingan adalah sangat penting dalam pemeliharaan Menara Lama Surau Tengkeri, Melaka.

### **5.3 Cadangan**

Bangunan Menara Lama Surau Tengkeri merupakan sebuah bangunan tinggalan ratusan tahun yang masih lagi berdiri di Melaka. Bagi memelihara dan memelihara bangunan Menara Lama Surau Tengkeri, Melaka, untuk terus berdiri megah dan keaslian seni binanya terjamin, langkah yang relevan perlu dibuat selari dengan usaha pemeliharaan untuk menghidupkan semula menara lama ini. Oleh itu, cadangan bagi memelihara menara lama ini perlu dibuat supaya Menara Lama Surau Tengkeri ini tidak terhapus begitu sahaja kerana tiada tindakan pemeliharaan yang diambil oleh pihak berkepentingan di masa yang akan datang.

#### **5.3.1 Membuat Dokumentari**

Antara cadangan yang boleh dibuat untuk memelihara dan memelihara bangunan Menara Lama Surau Tengkeri ini adalah dengan membuat dokumentari tentang sejarah dan keunikan Menara Lama Surau Tengkeri. Dokumentari adalah salah satu cara atau kaedah yang berkesan untuk memperkenalkan kepada seluruh masyarakat di dalam dan

di luar negeri Melaka mengetahui tentang keberadaan menara lama ini di Melaka selain mengetahui sejarah dan keunikan seni bina Menara Lama Surau Tengker, Melaka. Selain itu, dokumentari tentang menara lama ini boleh disiarkan melalui media massa dan di tayangkan ke kaca television di seluruh saluran bagi menarik minat masyarakat dan orang ramai mengetahui tentang seni bina tradisional. Melalui cadangan ini, orang ramai akan merasa bangga dan lebih menghargai bangunan-bangunan warisan yang telah dibina oleh generasi dahulu yang menunjukkan kearifan dan kepakaran dalam mencipta atau membina sesebuah bangunan serta akan menjadikan bangunan warisan yang berusia ratusan tahun ini dapat dilihat oleh generasi yang akan datang,

### **5.3.2 Kajian Akan Datang.**

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian berkaitan dengan Menara Lama Surau Tengker, Malaka ini sangat jarang dilakukan. Justifikasinya, pengkaji telah menghadapi kesukaran dalam memperolehi beberapa maklumat dan tahap capaian yang lemah disebabkan oleh kekurangan penyelidikan kajian lepas mengakibatkan pengkaji mengambil langkah lain untuk menambahkan kajian berkenaan dengan Menara Lama Surau Tengker ini. Kajian mengenai menara ini masih banyak yang boleh dipadatkan dalam sesuatu penyelidikan. Namun begitu, pengkaji hanya menumpukan kajian terhadap peranan pihak berkepentingan, proses pemuliharaan yang dijalankan serta usaha-usaha yang telah dibuat dalam menghidupkan semula menara lama ini sahaja. Menara Lama Surau Tengker juga mempunyai satu nilai seni bina yang perlu difahami dengan lebih teliti lagi. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya para pengkaji yang akan datang membukukan kajian mengenai Menara Lama Surau Tengker dan diberikan kepada Perbadanan



Perpustakaan Awam Negeri Melaka supaya dapat menjadi rujukan di masa yang akan datang.

### **5.3.3 Menyediakan Peruntukan Kewangan Bagi Kerja Pemuliharaan Menara Lama**

Proses memelihara dan memulihara bangunan lama seperti Menara Lama Surau Tengkeria ini sudah tentunya memerlukan proses penyelenggaraan terutamanya kerja baik pulih bangunan menara lama ini. Secara dasarnya, semakin berusia sesebuah bangunan, semakin banyak kerosakan yang terjadi. Oleh hal yang demikian, peruntukan kewangan yang tinggi diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan menara lama ini. Organisasi masjid tidak seharusnya menunggu bantuan kewangan dari pihak kerajaan, mereka ini hendaklah mewujudkan Gerakan ahli jawatankuasa khas untuk menjayakan langkah ini. Tabung khas haruslah dibuka bagi merealisasikan cadangan ini.


Dengan adanya kutipan dana serta bantuan daripada pihak bukan kerajaan mahupun sesebuah organisasi maka kerja-kerja pemuliharaan di Menara Lama Surau Tengkeria ini dapat dijalankan dengan segera. Oleh itu, secara tidak langsung ianya dapat menghidupkan semula menara lama ini untuk tujuan pelancongan atau sebagainya.

Sebagai kesimpulannya, kajian yang dilakukan dapat mengukuhkan lagi persoalan kajian yang dinyatakan. Kajian ini banyak membincangkan mengenai peranan-peranan pihak berkepentingan dalam proses pemuliharaan Menara Lama Surau Tengkeria. Selain itu, kajian ini turut melihat kepada tahap penglibatan komuniti setempat dalam proses pemuliharaan bangunan Menara Lama Surau Tengkeria, Melaka. Oleh hal yang demikian, menara lama ini sememangnya mempunyai nilai warisan dan perlu dipelihara


dan dipelihara dengan rapi oleh pihak berkepentingan dan komuniti setempat bagi memastikan khazanah ini terus bertahan dalam jangka waktu yang lebih lama.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

## RUJUKAN

- Abd.Wahab, N. A., Ab. Hamid, N., & Che Man, N. (2016). PEMERKASAAN PERANAN MASJID ERA KONTEMPORARI. *Volume 5 Issue 2-2016 e- Academia Journal UiTMT*. Retrieved from <http://journale-academiauitmt.edu.my/>
- Aboebakor, H. (1955). *Sedjarah Mesdjid dan Amalan Ibadah di Dalamnya*. Jakarta: NV viss And Co.
- A. Ghafar, A. (1994). *Pengenalan kepada bangunan dan monumen lama di Malaysia*. Bengkel Menangani Masalah Pemuliharaan Bangunan Lama di Malaysia.
- A.Ghafar, A. (2010). *Treatment of rising damp and replastering at heritage buildings*. Bengkel Bersiri 2010 Konservasi Bangunan Warisan Siri 2: Lepaan Kapur, 17-19hb Julai 2010, Perak, Dewan Pusat Pelancongan Negeri Perak, Ipoh.
- Ahmad, A.A., Ali@ Mat Zin, A. (2012). WACANA DAN TEORI REKABENTUK MENARA MASJID DI NUSANTARA (Discourse and Theory on Minaret's Designs of Mosque in Malay Archipelago). *Journal of Al-Tamaddun*, 7(2),77-88. Retrieved from <http://ijps.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8640>
- Akta Harta Benda Purba. (1976). (Akta 168)
- Akta Warisan Kebangsaan (2005) (Akta 645)
- A. Rahman, A. N. (2009). *Teori Birokrasi Max Weber: Pengenalan, Struktur, Objektif, Kekuatan dan Kelemahan*. Diakses daripada <https://nikalila.wordpress.com/2012/03/24/teori-birokrasi-max-weber-pengenalan-struktur-objektif-kekuatan-dan-kelemahan-3/>
- A'yun, Q. (2015). Transformasi Bentuk Fisik Pada Tipologi Fasade Masjid Jami' Malang. *EMARA Indonesian Journal of Architecture*, 1(2), 69-77. Retrieved from <https://doi.org/10.29080/eija.v1i2.9>

- Bloom, J. M. (2013). *Minaret: Symbol of Islam*. Oxford Studies in Islamic Art VII. Walton Street Oxford. Diakses daripada <https://library.bc.edu/images/facpub/2015/02/bloom-book.pdf>.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Carroll, A. B. (1993). *Business and Society: Ethics and Stakeholder Management*. SouthWestern: Cincinnati.
- Corsane, G. (2005). *Heritage, museums and galleries: an introductory reader*. London: Routledge.
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). (1996). *Garis panduan pengekalan bangunan di Dalam kawasan pusat bandar Kuala Lumpur*. Unit Reka Bentuk Bandar dan Warisan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kuala Lumpur. Diakses daripada / [https://www.dbkl.gov.my/Media/muat-turun\\_trashed/garis-panduan-2/](https://www.dbkl.gov.my/Media/muat-turun_trashed/garis-panduan-2/)
- Fielden, B. (1994). *Conservation of Historic Buildings*. Reed Educational and Professional Publishing Ltd
- Howard, P. (2003). *Heritage: management, interpretation and identity*. London: Continuum.
- ICOMOS (1999). *The Burra Charter: The Australia ICOMOS charter for the conservation of Places of cultural significance with associated guidelines and code on the ethics of co-existence*. Australia ICOMOS Inc., Burwood.
- Jabatan Warisan Negara. (2009). *Warisan Kebangsaan 2009*. Jabatan Warisan Negara, Kuala Lumpur.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif. *Siri 1*, 1-15.

- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. (2021). *Jenis Warisan*. Diakses daripada [https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en](https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en)
- Liu, O. P. (2017). COMMUNITY INVOLVEMENT FOR SUSTAINABLE WORLD HERITAGE SITES: THE MELAKA CASE. *Kajian Malaysia: Journal Of Malaysia Studies*, 35. <https://pdf.semanticscholar.org/b190/67c93fbf73037aa9f9ad42edb8a59044513.pdf>
- Mohd Yusoff, Y., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2011). AKTA WARISAN KEBANGSAAN, 2005: TINJAUAN SEPINTAS LALU (National Heritage Act, 2005: A Review). *Jurnal Melayu* (8) 2011: 173-188. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/3481/2/bil%25208%2520-%2520topik%25209.pdf>
- Mohd Yusoff, Y. M. (2018). PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA MELALUI PERUNDANGAN WARISAN DAN AGENSI PELAKSANAAN DI MALAYSIA. *Jurnal Melayu Bil. 17* (2). Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/13129/1/28661-87547-1-SM.pdf>
- Muhadjir, N. (1998). *Metodologi Penelitian Kualitatif Pendekatan Positivistik, Rasionalistik, Fenomenologik, dan Realisme Metaphisik Telaah Studi Teks dan Penelitian Agama* Diakses daripada [https://www.researchgate.net/publication/337656138\\_METODOLOGI\\_PENELITIAN\\_NOENG\\_MUHAJIR](https://www.researchgate.net/publication/337656138_METODOLOGI_PENELITIAN_NOENG_MUHAJIR)
- Nasir, A.H. (1995). *Seni Bina Masjid di Dunia Melayu Nusantara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M.Q. (2015). *Qualitative Evalaution and Research Method*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). (2006). Pengenalan bengkel konservasi monumen Tapak tanah bersejarah. Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Melaka.

- Petersen, A. (2002). *Dictionary of Islamic Architecture*. New York: Taylor & Francis.  
Diakses daripada [https://ia903100.us.archive.org/20/items/dictionaryofislamicarchitecture\\_201911/Dictionary%20of%20Islamic%20Architecture.pdf](https://ia903100.us.archive.org/20/items/dictionaryofislamicarchitecture_201911/Dictionary%20of%20Islamic%20Architecture.pdf)
- Ramli, N.M., & Nik Dahlan, N.N. (2014). Seni Bina Masjid Islam. *Jurnal Al-Muqaddimah*, 2(1), 39-47
- Rijali, A. (2018). Analisis Data Kualitatif. *Jurnal Alhadharah*. Vol. 17 No.23. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.18592/alhadharah.v17i33.2374>
- Saphic, R. (2009). *Rumah Azan*. Kuala Lumpur: Karya Dya.
- Savege, G.T., Nix, T. W., Whitehead, C. J. & Blair, J. D. (1991). Strategies of assessing and Managing organization stakeholder, *Academy of Management Executive*, 5(2):51-57. Retrieved from [https://www.researchgate.net/profile/Grant-Savage/publication/233735907\\_Strategies\\_for\\_Assessing\\_and\\_Managing\\_Organizational\\_Stakeholders/li0912f50aed25ca275f000000/Strategies-for-Assessing-and-Managing-Organizational-Stakeholders.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Grant-Savage/publication/233735907_Strategies_for_Assessing_and_Managing_Organizational_Stakeholders/li0912f50aed25ca275f000000/Strategies-for-Assessing-and-Managing-Organizational-Stakeholders.pdf)
- Scott, W. R. (2003). *Organizations: Rational, Natural, and Open Systems*. (5<sup>th</sup> ed). New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Sobian, A. (2020). Suara Generasi Muda dalam Memelihara dan Memulihara Warisan Budaya. Diakses daripada <https://www.ikim.gov.my/index.php/2020/01/14/suara-generasi-muda-memulihara-memelihara-warisan-budaya/>
- Sutrisno, A. F., & Prijadi, R. (2013). KARAKTERISTIK ARSITEKTUR MENARA MASJID SEBAGAI SIMBOL ISLAM DARI MASA KE MASA. *MEDIA MATRASAIN VOL.10 NO 2*. Retrieved from <https://doi.org/10.35792/matrasains.v10i2.4108>
- Syauqi, D. (2004). *al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.

Umar, H. (2013). *Metode penelitian untuk skripsi dan tesis*. Jakarta: Rajawali, 42.

Zakinan, N. F. (2017). Bangunan Usang Jejas Imej Melaka. *Berita Harian Online*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/344355/bangunan-usang-jejas-imej-melaka>

Zohrabi, M. (2013). Mix Method Research: Instruments, Validity, Realibility and Reporting Findings. *Theory and Practice in Language Studies*. *Academic Publisher*. 3(2), 254-262. Retrieved from <http://www.academypublication.com/>